



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI SABAH

SIRI 2



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI SABAH

SIRI 2

**Jabatan Audit Negara
Malaysia**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	JABATAN TANAH DAN UKUR Pengurusan Pemberimilikan Tanah Kerajaan Untuk Tujuan Pembangunan
12	KORPORASI PEMBANGUNAN DESA Pengurusan Program Ternakan Secara Perladangan Kontrak
28	JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH Penyenggaraan Masjid, Surau Dan Sekolah Agama
41	JABATAN AIR NEGERI SABAH Perkhidmatan Pengurusan Loji Rawatan Air Secara Outsource
55	JABATAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR JABATAN PERHUTANAN Pengurusan Penilaian Impak Alam Sekitar Bagi Aktiviti Perhutanan
83	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Jabatan Audit Negara akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Ke arah itu, satu lagi inisiatif di bawah GTP 2.0 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara iaitu mewujudkan paparan “AG’s Dashboard” yang memaparkan status terkini tindakan yang telah diambil oleh pihak Audit terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk syor-syor yang dikemukakan sebaik sahaja Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Paparan sedemikian yang boleh diakses oleh semua pihak dapat memberi gambaran sejauh mana tindakan pembetulan atau penambahbaikan telah diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat pada satu-satu masa.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 5 Jabatan dan satu Agensi Kerajaan Negeri Sabah. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Setiausaha Tetap Kementerian dan Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri/Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 10 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2014 Siri 2 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agenzi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditran dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

5 Mei 2015



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. JABATAN TANAH DAN UKUR

- Pengurusan Pemberimilikan Tanah Kerajaan Untuk Tujuan Pembangunan

1.1. Jabatan Tanah Dan Ukur (Jabatan Tanah) adalah bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir hal-hal berkaitan tanah di negeri Sabah. Antara fungsi Jabatan Tanah adalah memberimilik tanah Kerajaan kepada individu, agensi awam dan swasta. Menurut Seksyen 4, *Land Ordinance (Sabah Cap.68)*, *alienate* atau pemberimilikan bermaksud *to lease, or otherwise dispose of State Land on behalf of the Government in consideration of the payment of such rent and such premium, if any, as may be required*. Manakala, *State Land* atau tanah Kerajaan ditakrifkan sebagai *all lands which have not been and may not hereafter be reserved for any public purpose, or which have not been and may not hereafter be leased or granted to or are not and may not hereafter be lawfully occupied by any person*. Permohonan tanah Kerajaan oleh agensi awam (Kementerian, Jabatan Kerajaan Negeri atau Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan syarikat Kerajaan) serta agensi swasta adalah bertujuan untuk melaksanakan pembangunan komersial, perumahan, pelancongan dan industri yang boleh menjana ekonomi negeri Sabah khasnya. Bagi tahun 2012 hingga 2014, Jabatan Tanah telah mengutip hasil melalui pembayaran premium tanah sejumlah RM493.06 juta atau 3.7% daripada keseluruhan hasil Kerajaan Negeri. Jumlah ini adalah termasuk premium bagi 13,684 tanah Kerajaan yang telah diberi milik kepada individu, agensi awam dan swasta.

1.2. Secara keseluruhannya, pengauditan yang telah dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati pengurusan pemberimilikan tanah Kerajaan kepada agensi awam dan swasta adalah memuaskan, tetapi terdapat perkara yang perlu diambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- Sebanyak 58 daripada 86 permohonan tanah Kerajaan atau 67.4% yang diproses di peringkat Pejabat Pemungut Hasil Tanah telah melebihi tempoh masa yang ditetapkan iaitu 3 bulan bagi agensi awam dan 18 bulan bagi agensi swasta.
- Sebanyak 12 daripada 19 permohonan tanah atau 63.2% yang diproses di peringkat Pejabat Hasil Bumi telah melebihi tempoh masa 3 bulan yang ditetapkan.

1.3. Bagi tujuan penambahbaikan terhadap pengurusan pemberimilikan tanah Kerajaan kepada agensi awam dan agensi swasta, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Tanah Dan Ukur dan Pejabat Hasil Bumi meningkatkan mekanisme koordinasi dan komunikasi di kalangan agensi Kerajaan/ bahagian/ unit dan pegawai/kakitangan yang terlibat agar permohonan tanah dapat diproses dalam tempoh masa yang ditetapkan.

2. KORPORASI PEMBANGUNAN DESA

- Pengurusan Program Ternakan Secara Perladangan Kontrak

2.1. Korporasi Pembangunan Desa (KPD) adalah sebuah agensi Kerajaan di bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan Sabah (KPIM). Tanggungjawab utama KPD ialah untuk meningkatkan taraf hidup ekonomi dan sosial masyarakat luar bandar terutama penduduk miskin di Sabah. KPD bertanggungjawab menjalankan pelbagai program, antaranya ialah Program Ternakan Secara Perladangan Kontrak dengan petani dan ladang milik KPD sendiri. Matlamat Program Ternakan Secara Perladangan Kontrak adalah membantu kumpulan sasaran mengadakan kegiatan ekonomi yang berdaya kekal untuk membolehkan mereka meningkatkan pendapatan di atas garis kemiskinan. Dasar Program Perladangan Secara Kontrak (Pindaan 2, November 2011) diguna pakai dalam pelaksanaan projek di bawah Program Ternakan Secara Perladangan Kontrak KPD. KPD akan membantu peserta program dengan cara membekalkan mereka kredit dalam bentuk input ladang seperti anak ayam, makanan ayam, ubat-ubatan, haif/rumah lebah, penggempar, pengasap dan sebagainya pada harga kos. Peserta pula menyediakan tapak tanah, tenaga kerja dan pengurusan projek. KPD juga akan membantu memasarkan hasil keluaran projek bagi pihak peserta dan kemudian akan memotong sebahagian harganya secara beransur-ansur sebagai bayaran kepada harga input. Latihan dan khidmat nasihat serta bantuan teknikal diberikan secara percuma oleh KPD kepada peserta.

2.2. Secara keseluruhannya, pengauditan yang telah dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2014 mendapati pengurusan Program Ternakan Secara Kontrak KPD adalah memuaskan daripada segi penggunaan peruntukan dan peningkatan pendapatan peserta projek ternakan ayam pedaging serta pencapaian sasaran pengeluaran dan jualan ayam pedaging dan madu lebah. Begitu juga dengan bekalan input ladang kepada peserta. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Kriteria pemilihan peserta tidak menepati sasaran sepenuhnya.
- Tuggakan bayaran balik kredit input ladang bagi projek ternakan lebah madu melebihi 5 tahun.

2.3. Bagi memastikan Program Ternakan Secara Perladangan Kontrak dapat dilaksanakan secara berkesan dan mencapai matlamat untuk meningkatkan pendapatan peserta di atas paras garis kemiskinan, adalah disyorkan Korporasi Pembangunan Desa mengkaji semula kriteria pemilihan peserta bagi menjamin keberhasilan projek serta kedudukan tuggakan kredit input ladang yang melebihi lima tahun dengan amaun kurang daripada RM100 yang mana penternak tidak lagi menjalankan projek tersebut.

3. JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH
- **Penyenggaraan Masjid, Surau dan Sekolah Agama**

3.1. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) bertanggungjawab untuk menyenggara masjid, surau dan sekolah agama, menyediakan bangunan sekolah agama peringkat rendah dan menengah. Objektif penyenggaraan ialah untuk memastikan masjid, surau dan sekolah agama berada dalam keadaan yang baik. JHEAINS menetapkan komponen penyenggaraan seperti membesar dan membaik pulih masjid dan menambah bilik darjah serta membaik pulih bangunan. Setakat tahun 2014, JHEAINS bertanggungjawab menyenggara 1,012 masjid, 973 surau, 103 Sekolah Agama Negeri (SAN) dan 6 Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) miliknya. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, JHEAINS telah membelanjakan sejumlah RM52.9 juta atau 82.6% daripada peruntukan sejumlah RM64.2 juta yang diterima daripada Kerajaan Negeri Sabah bagi penyenggaraan masjid, surau dan sekolah agama.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati prestasi perbelanjaan penyenggaraan JHEAINS adalah baik dan secara keseluruhannya kerja penyenggaraan masjid, surau dan sekolah agama telah dilaksanakan dengan memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang ditemui seperti berikut:

- Tatacara perolehan sebut harga tidak dipatuhi.
- Kerja dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi.
- Kerja-kerja kemasan tidak dilaksanakan dengan sempurna.

3.3. Bagi memastikan penyenggaraan masjid, surau dan sekolah agama dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan, adalah disyorkan JHEAINS mengambil langkah berikut:

3.3.1. Mematuhi tatacara pengurusan perolehan yang ditetapkan.

3.3.2. Membuat pemeriksaan dan pemantauan dengan teliti terhadap kerja-kerja kontraktor bagi mengelakkan pembayaran dibuat terhadap kerja tidak mengikut spesifikasi dan sempurna.

3.3.3. Merancang dan melaksanakan penyenggaraan secara pencegahan dan berjadual bagi mengelakkan kerosakan yang lebih serius serta melantik arkitek dan juru ukur jika keadaan kewangan mengizinkan bagi mempercepatkan proses pelaksanaan penyenggaraan, penggantian atau naik taraf.

4. JABATAN AIR NEGERI SABAH

- Perkhidmatan Pengurusan Loji Rawatan Air Secara *Outsource*

4.1. Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) telah memulakan perkhidmatan Pengurusan Loji Rawatan Air Secara *Outsource* pada tahun 2009 di Loji Rawatan Air Segaliud, Sandakan. Selain daripada Loji Lawatan Air (LRA) yang sedia ada, LRA baru dibina dalam program GTP 1.0 NKRA bagi mencapai matlamat untuk menyediakan air bersih kepada penduduk Negeri Sabah dengan lebih meluas. Perkhidmatan secara *outsource* digunakan bagi mengatasi masalah kekurangan kakitangan yang berlaku di Jabatan Air Negeri Sabah. Perkara ini berlaku disebabkan Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah mengarahkan selepas 31 Januari 2007, JANS tidak dibenarkan membuat pengambilan kakitangan secara lantikan tetap kecuali melalui lantikan kontrak sahaja. Keperluan pengguna untuk mendapatkan air terawat telah mendesak Kerajaan menyediakan loji-loji rawatan air yang beroperasi meskipun faktor tenaga kerja JANS adalah tidak mencukupi untuk mengendalikan pengurusan loji rawatan air. Fungsi perkhidmatan secara *outsource* selain menjalankan operasi loji air adalah menyenggara bangunan, fasiliti, dam, muka sauk, paip dan lain-lain berkaitan; membeli bahan kimia untuk merawat air; dan membekalkan air terawat yang mematuhi standard Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta memenuhi permintaan JANS. Objektif perkhidmatan pengurusan loji air secara *outsource* adalah membekalkan air terawat yang mematuhi kuantiti dan kualiti yang ditetapkan selaras dengan fungsi utama JANS di bawah Enakmen Bekalan Air Tahun 2003, mengurus aset struktur bangunan, fasiliti dan peralatan di LRA dengan lebih efektif serta mengatasi kekangan tenaga kerja yang dihadapi oleh JANS.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September 2014 hingga Disember 2014 mendapati, Perkhidmatan Pengurusan Loji Rawatan Air Secara *Outsource* adalah baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan Perkhidmatan Pengurusan Loji Rawatan Air Secara *Outsource* seperti berikut:

- Peralatan yang rosak tidak dibaiki.
- Pelupusan peralatan, bahan kimia dan enapcemar tidak dibuat.
- Pegawai kimia tidak mencukupi untuk memantau semua LRA yang dikendalikan oleh kontraktor.

4.3. Bagi memastikan perkhidmatan pengurusan LRA secara *outsource* dapat dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan, adalah disyorkan JANS mengambil langkah seperti berikut:

4.3.1. JANS hendaklah membuat pemeriksaan aset dan menyediakan bajet untuk membuat penyenggaraan secara berkala bagi memastikan LRA beroperasi dengan lancar. Selain itu, JANS hendaklah mengambil tindakan melupus peralatan yang rosak dan bahan kimia dengan kadar segera bagi menjimatkan ruang penyimpanan dan mengelakkan pencemaran.

4.3.2. Pihak JANS hendaklah sentiasa menyimpan rekod tenaga kerja yang kemas kini seperti carta organisasi, bilangan tenaga kerja bagi loji-loji berkenaan dan maklumat tenaga kerja/kontrak penyenggaraan secara *outsource* oleh syarikat lain, bagi tujuan pemantauan supaya Kontraktor menyediakan tenaga kerja yang mencukupi sejajar dengan bayaran yang telah diterima.

5. JABATAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR

JABATAN PERHUTANAN

- Pengurusan Penilaian Impak Alam Sekitar Bagi Aktiviti Perhutanan

5.1. Peruntukan Perlembagaan Persekutuan iaitu Perkara 74 dan 77, dan Senarai Kerajaan Negeri, Senarai 2, Perenggan 2 dan 3 menyatakan fungsi dan tanggungjawab Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah (JPAS) adalah melindungi alam sekitar di peringkat negeri. Bagi maksud tersebut, Kerajaan Negeri Sabah telah mewartakan Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 (EPAS) dan Perintah Perlindungan Alam Sekitar (Aktiviti Yang Ditetapkan) 2005. Mengikut Perintah Perlindungan Alam Sekitar (Aktiviti Yang Ditetapkan) 2005, terdapat 12 aktiviti pembangunan tanah yang perlu dikawal termasuklah aktiviti perhutanan. Semua aktiviti perhutanan yang merangkumi kegiatan pembalakan dan perladangan hutan serta melibatkan kawasan melebihi 500 hektar perlu mengemukakan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar atau *Environment Impact Assessment* (EIA) kepada JPAS untuk kelulusan. Jabatan Perhutanan Negeri Sabah (JPNS) pula melaksanakan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan bagi mewujudkan kelestarian nilai ekonomi, impak sosial dan alam sekitar. Di bawah pengurusan tersebut, langkah-langkah pencegahan kesan alam sekitar menerusi praktis operasi pembalakan melalui kaedah *Reduced Impact Logging* (RIL) telah dilaksanakan. Manakala bagi aktiviti perladangan hutan, pengurusan dilaksanakan berpandukan Lesen Perjanjian, *Forest Management Plan*, *Annual Work Plan*, syarat-syarat kup dan permit. Mengikut Enakmen dan Peraturan Perhutanan 1968, aktiviti pembalakan dan perladangan hutan hanya dibenarkan beroperasi setelah Laporan EIA diluluskan oleh JPAS.

5.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 terhadap pengurusan penilaian impak alam sekitar bagi aktiviti perhutanan oleh Jabatan Perlindungan Alam Sekitar dan Jabatan Perhutanan Negeri Sabah mendapati kawalan perlindungan alam sekitar terhadap aktiviti perhutanan adalah memuaskan kecuali beberapa perlanggaran syarat yang boleh ditambah baik seperti berikut:

- Pelanggaran syarat EIA oleh pelesen.
- Juruperunding Alam Sekitar gagal mengemukakan laporan ECR.
- Pemantauan dan penguatkuasaan oleh JPAS kurang berkesan.

5.3. Bagi tujuan penambahbaikan, pihak Audit mengesyorkan supaya Jabatan Perlindungan Alam Sekitar dan Jabatan Perhutanan mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:

5.3.1. Mempertingkatkan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan pelesen mematuhi syarat EIA.

5.3.2. Mempertingkatkan kerjasama antara agensi bagi memastikan Dasar Perlindungan Alam Sekitar dapat dilaksanakan dengan lancar.

5.3.3. Mengkaji semula keperluan tenaga kerja dan sumber kewangan.



AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

JABATAN TANAH DAN UKUR

1. PENGURUSAN PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN UNTUK TUJUAN PEMBANGUNAN

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Jabatan Tanah Dan Ukur (Jabatan Tanah) adalah bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir hal-hal berkaitan tanah di negeri Sabah. Antara fungsi Jabatan Tanah adalah memberi milik tanah Kerajaan kepada individu, agensi awam dan swasta. Menurut Seksyen 4, *Land Ordinance (Sabah Cap.68)*, *alienate* atau pemberimilikan bermaksud *to lease, or otherwise dispose of State Land on behalf of the Government in consideration of the payment of such rent and such premium, if any, as may be required*. Manakala, *State Land* atau tanah Kerajaan ditakrifkan sebagai *all lands which have not been and may not hereafter be reserved for any public purpose, or which have not been and may not hereafter be leased or granted to or are not and may not hereafter be lawfully occupied by any person*. Permohonan tanah Kerajaan oleh agensi awam (Kementerian, Jabatan Kerajaan Negeri atau Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan syarikat Kerajaan) serta agensi swasta adalah bertujuan untuk melaksanakan pembangunan komersial, perumahan, pelancongan dan industri yang boleh menjana ekonomi negeri Sabah.

1.1.2. Mengikut Seksyen 9(1), *Land Ordinance (Sabah Cap.68)*, kuasa melulus untuk tujuan pemberimilikan tanah Kerajaan adalah di bawah kuasa YAB Ketua Menteri atau Kabinet Negeri iaitu mengikut keluasan dan syarat hak milik tanah Kerajaan. Bagi permohonan tanah Kerajaan seluas 250 hektar atas syarat *Country Lease* adalah di bawah kuasa YAB Ketua Menteri, manakala bagi permohonan tanah Kerajaan melebihi 250 hektar atas syarat *Country Lease* serta permohonan tanah Kerajaan atas syarat *Town Lease* adalah di bawah kuasa Kabinet Negeri.

1.1.3. Proses kerja pemberimilikan tanah Kerajaan melibatkan 3 peringkat iaitu peringkat Penolong Pemungut Hasil Tanah (PPHT), Ibu Pejabat Jabatan Tanah Dan Ukur dan Pejabat Hasil Bumi (PHB). PPHT bertanggungjawab mengemukakan permohonan tanah Kerajaan ke Ibu Pejabat Jabatan Tanah Dan Ukur setelah disokong dalam mesyuarat Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah. Manakala, Ibu Pejabat Jabatan Tanah Dan Ukur bertanggungjawab mengemukakan permohonan tanah Kerajaan kepada PHB setelah kadar premium dan cukai tahunan ditetapkan oleh Unit Penilaian di Ibu Pejabat Jabatan Tanah Dan Ukur, mengeluarkan surat tawaran kepada pemohon selepas kelulusan melalui PHB diperolehi, mengutip bayaran premium tanah, meluluskan data pengukuran dan mengeluarkan geran. PHB bertanggungjawab memproses permohonan tanah Kerajaan yang diterima daripada Jabatan Tanah dalam tempoh 3 bulan bagi mendapatkan kelulusan daripada YAB Ketua Menteri atau Kabinet Negeri. Bagaimanapun, tempoh masa 3 bulan

untuk memproses permohonan tanah Kerajaan adalah tertakluk kepada pengemukaan dokumen yang lengkap oleh Jabatan Tanah, status kawasan yang dipohon, pemeriksaan lapangan serta polisi-polisi semasa Kerajaan Negeri dan PHB.

1.1.4. Bagi tahun 2012 hingga 2014, Jabatan Tanah telah mengutip hasil melalui pembayaran premium tanah sejumlah RM493.06 juta atau 3.7% daripada keseluruhan hasil Kerajaan Negeri. Jumlah ini adalah termasuk premium bagi 13,684 tanah Kerajaan yang telah diberi milik kepada individu, agensi awam dan swasta.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pemberimilikan tanah Kerajaan kepada agensi awam dan swasta oleh Jabatan Tanah Dan Ukur telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan pemberimilikan tanah Kerajaan kepada agensi awam dan swasta untuk tujuan pembangunan seperti komersial, perumahan, pelancongan, industri dan pembinaan kemudahan seperti masjid, terminal bas dan sekolah. Ia melibatkan tempoh 3 tahun iaitu tahun 2012 hingga 2014 dengan menjalankan penyemakan sebanyak 131 fail permohonan tanah di Pejabat Pemungut Hasil Tanah Kota Kinabalu, Papar, Penampang dan Kota Belud dan 19 fail kelulusan permohonan tanah di Ibu Pejabat Jabatan Tanah Dan Ukur dan Pejabat Hasil Bumi. Metodologi pengauditan adalah mendapatkan maklumat awal melalui taklimat oleh pegawai Jabatan Tanah Dan Ukur, membuat semakan serta menganalisis maklumat daripada fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen lain yang berkaitan. Temu bual dengan pegawai bertanggungjawab turut diadakan bagi mendapatkan ulasan berkaitan pengurusan pemberimilikan tanah Kerajaan kepada agensi awam dan swasta. Selain itu, lawatan ke 8 lokasi tanah yang telah diberi milik pada tahun 2011 kepada agensi swasta turut dijalankan bagi mengesahkan pembangunan tanah telah dijalankan. *Exit Conference* bersama Timbalan Pengarah daripada Jabatan Tanah Dan Ukur dan Setiausaha Pejabat Hasil Bumi telah diadakan pada 20 Januari 2015 yang turut dihadiri oleh wakil Setiausaha Kerajaan Negeri dan Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengauditan yang telah dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati pengurusan pemberimilikan tanah Kerajaan kepada agensi awam dan swasta adalah memuaskan, tetapi terdapat perkara yang perlu diambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- Sebanyak 58 daripada 86 permohonan tanah Kerajaan atau 67.4% yang diproses di peringkat Pejabat Pemungut Hasil Tanah telah melebihi tempoh masa yang ditetapkan iaitu 3 bulan bagi agensi awam dan 18 bulan bagi agensi swasta.
- Sebanyak 12 daripada 19 permohonan tanah atau 63.2% yang diproses di peringkat Pejabat Hasil Bumi telah melebihi tempoh masa 3 bulan yang ditetapkan.

1.4.1. Prestasi Memproses Permohonan Tanah Kerajaan

1.4.1.1. Proses kerja yang terlibat di peringkat Pejabat Pemungut Hasil Tanah (PPHT) adalah mendaftarkan permohonan tanah yang diterima daripada pemohon, mendapatkan ulasan daripada Juruukur Daerah dan agensi teknikal Kerajaan yang terlibat seperti Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kerja Raya dan jabatan teknikal lain, membentangkan permohonan tanah dalam mesyuarat Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah (JPTD) untuk sokongan serta mengemukakan permohonan tanah ke Ibu Pejabat Jabatan Tanah Dan Ukur untuk tindakan selanjutnya. Prestasi memproses permohonan tanah di peringkat Pejabat Pemungut Hasil Tanah bagi 24 daerah seluruh negeri Sabah adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Prestasi Pemprosesan Permohonan Tanah Kerajaan Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Baki Awal Permohonan Tanah	Bilangan Permohonan Tanah Baharu Tahun Semasa	Bilangan Permohonan Tanah Telah Diproses	Baki Akhir Permohonan Tanah
2012	313,543	35,266	52,623	296,186
2013	296,186	29,118	47,930	277,374
2014	277,374	28,666	24,293	281,747
Jumlah	887,103	93,050	124,846	855,307

Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur

1.4.1.2. **Jadual 1.1** menunjukkan sehingga akhir tahun 2012, sebanyak 296,186 permohonan tanah belum siap diproses di peringkat Pejabat Pemungut Hasil Tanah. Manakala pada tahun 2013, bilangan permohonan tanah telah menurun sebanyak 18,812 permohonan atau 6.8% berbanding tahun 2012. Semakan Audit mendapati pada tahun 2014, bilangan permohonan tanah telah meningkat sebanyak 4,373 atau 1.6% berbanding tahun 2013.

1.4.1.3. Pada tahun 2012 hingga 2014, semakan Audit di 4 daerah yang dilawati mendapati hanya 45 daripada 131 permohonan tanah atau 34.4% telah dikemukakan ke Ibu Pejabat Jabatan Tanah Dan Ukur. Manakala, sebanyak 86 daripada 131 permohonan tanah bagi 4 daerah atau 65.6% masih dalam proses tindakan di peringkat PPHT. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Status Pemprosesan Permohonan Tanah Kerajaan Di Peringkat Pejabat Pemungut Hasil Tanah Di 4 Daerah Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Status Pemprosesan Permohonan Tanah Di Peringkat Pejabat Pemungut Hasil Tanah	Bilangan Permohonan Tanah Yang Terlibat
Belum Kemuka Ke Juruukur Daerah Dan Agensi Teknikal	20
Belum Terima Maklum Balas Juruukur Daerah Dan Agensi Teknikal	47
Belum Dibentangkan Ke Mesyuarat JPTD	11
Perakuan Kelulusan Ke Ibu Pejabat Belum Disediakan	8
Perakuan Kelulusan Telah Dikemuka Ke Ibu Pejabat	45
Jumlah Keseluruhan	131

Sumber: Pejabat Pemungut Hasil Tanah

1.4.1.4. Seksyen 70(1), *Land Ordinance (Sabah Cap.68)* menyatakan *Application for State Land shall be made to the Collector and shall be dealt with without delay and as far as possible in the order in which they are received*. Mengikut amalan Jabatan Tanah, tempoh masa yang diambil untuk memproses permohonan tanah iaitu daripada proses pendaftaran permohonan tanah sehingga mengemukakan permohonan tanah ke Ibu Pejabat adalah masing-masing selama 3 bulan bagi agensi awam dan 18 bulan bagi agensi swasta. Pemeriksaan Audit terhadap status bagi 86 daripada 131 permohonan tanah atau 65.6% yang masih diproses di peringkat PPHT adalah seperti di **Jadual 1.3** bagi 57 permohonan tanah agensi awam dan di **Jadual 1.4** bagi 29 permohonan tanah agensi swasta.

Jadual 1.3
Status Permohonan Tanah Kerajaan Bagi Agensi Awam Di 4 Daerah Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Status Pemprosesan Permohonan Tanah Di Peringkat Pejabat Pemungut Hasil Tanah	Permohonan Tanah Masih Dalam Tempoh 3 Bulan		Permohonan Tanah Telah Melebihi Tempoh 3 Bulan	
	Bilangan Permohonan Tanah	Tempoh Masa (Bulan)	Bilangan Permohonan Tanah	Tempoh Masa (Bulan)
Belum Kemuka Ke Juruukur Daerah Dan Agensi Teknikal	0	Tidak Berkenaan	11	5 hingga 36
Belum Terima Maklum Balas Juruukur Daerah Dan Agensi Teknikal	2	1	32	5 hingga 34
Belum Dibentangkan Ke Mesyuarat JPTD	0	Tidak Berkenaan	4	6 hingga 21
Perakuan Kelulusan Ke Ibu Pejabat Belum Disediakan	5	1 hingga 3	3	9 hingga 24
Jumlah	7		50	

Sumber: Pejabat Pemungut Hasil Tanah

1.4.1.5. Analisis Audit mendapati sebanyak 7 daripada 57 permohonan tanah atau 12.3% yang diproses di peringkat PPHT masih dalam tempoh 3 bulan yang ditetapkan. Manakala, sebanyak 50 daripada 57 permohonan tanah atau 87.7% telah melebihi tempoh 3 bulan yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap 50 permohonan tanah berkenaan mendapati pihak PPHT belum mengemukakan 11 permohonan tanah kepada Juruukur Daerah dan agensi teknikal dengan tempoh masa antara 5 hingga 36 bulan selepas permohonan tanah didaftarkan. Manakala, pihak PPHT belum menerima maklum

balas bagi 32 permohonan tanah yang telah dikemukakan sejak 5 hingga 34 bulan kepada Juruukur Daerah dan agensi teknikal. Semakan Audit turut mendapati sebanyak 4 permohonan tanah belum dibentangkan dalam mesyuarat JPTD walaupun ulasan Juruukur Daerah dan agensi teknikal telah diterima dalam tempoh masa antara 6 hingga 21 bulan. Selain itu, pemeriksaan Audit mendapati pihak PPHT belum menyediakan perakuan kelulusan bagi 3 permohonan tanah antara 9 hingga 24 bulan selepas keputusan telah diperolehi semasa mesyuarat JPTD.

Jadual 1.4
Status Permohonan Tanah Kerajaan Bagi Agensi Swasta Di 4 Daerah
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Status Pemprosesan Permohonan Tanah Di Peringkat Pejabat Pemungut Hasil Tanah	Permohonan Tanah Masih Dalam Tempoh 18 Bulan		Permohonan Tanah Telah Melebihi Tempoh 18 Bulan	
	Bilangan Permohonan Tanah	Tempoh Masa (Bulan)	Bilangan Permohonan Tanah	Tempoh Masa (Bulan)
Belum Kemuka Ke Juruukur Daerah Dan Agensi Teknikal	3	9 hingga 18	6	23 hingga 34
Belum Terima Maklum Balas Juruukur Daerah Dan Agensi Teknikal	12	4 hingga 17	1	22
Belum Dibentangkan Ke Mesyuarat JPTD	6	2 hingga 15	1	20
Jumlah	21		8	

Sumber: Pejabat Pemungut Hasil Tanah

1.4.1.6. Analisis Audit mendapati sebanyak 21 daripada 29 permohonan tanah atau 72.4% yang diproses di peringkat PPHT masih dalam tempoh 18 bulan yang ditetapkan. Manakala, sebanyak 8 daripada 29 permohonan tanah atau 27.6% telah melebihi tempoh 18 bulan yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap 8 permohonan tanah berkenaan mendapati pihak PPHT belum mengemukakan 6 permohonan tanah agensi swasta kepada Juruukur Daerah dan agensi teknikal dengan tempoh masa antara 23 hingga 34 bulan selepas permohonan tanah didaftarkan. Manakala, pihak PPHT belum menerima maklum balas bagi satu permohonan tanah yang telah dikemukakan sejak 22 bulan kepada Juruukur Daerah dan agensi teknikal. Selain itu, semakan Audit mendapati satu permohonan tanah belum dibentangkan dalam mesyuarat JPTD walaupun ulasan Juruukur Daerah dan agensi teknikal telah diterima dalam tempoh masa 20 bulan.

1.4.1.7. Berdasarkan maklum balas pihak Jabatan Tanah Dan Ukur pada 20 Januari 2015, sistem permohonan tanah yang diamalkan di negeri Sabah adalah Sistem Terbuka iaitu sesiapa sahaja boleh memohon tanah Kerajaan. Sehubungan itu, sebahagian besar tunggakan permohonan tanah di Jabatan Tanah adalah daripada permohonan tanah Anak Negeri (*Native Title*). Selain itu, jumlah tunggakan permohonan tanah meningkat pada setiap tahun kerana masalah pertindihan permohonan tanah, sumber manusia yang terhad dan masalah teknikal seperti ulasan kesediaan tanah, pengukuran tanah dan bantahan penduduk. Bagaimanapun, bagi mengurangkan tunggakan permohonan tanah, Jabatan Tanah telah melaksanakan Pemberimilikan Tanah Terancang Secara *Fast Track* untuk

mengeluarkan Geran Komunal pada tahun 2009 dan Unit Perkhidmatan Tanah Anak Negeri Sabah (PANTAS) pada tahun 2011.

Pada pendapat Audit, prestasi memproses permohonan tanah Kerajaan di peringkat Pejabat Pemungut Hasil Tanah adalah memuaskan. Bagaimanapun, koordinasi dan komunikasi di kalangan agensi Kerajaan/Bahagian/Unit serta pegawai/kakitangan perlu ditingkatkan agar permohonan tanah Kerajaan dapat diproses dalam tempoh masa yang ditetapkan.

1.4.2. Prestasi Kelulusan Permohonan Tanah Kerajaan

1.4.2.1. Jabatan Tanah bertanggungjawab menyemak dokumen permohonan tanah Kerajaan yang diterima daripada Pejabat Pemungut Hasil Tanah. Manakala, Pejabat Hasil Bumi memproses permohonan tanah yang dikemukakan oleh Jabatan Tanah bagi memperoleh kelulusan YAB Ketua Menteri atau Kabinet Negeri. Prestasi kelulusan permohonan tanah Kerajaan adalah seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Prestasi Kelulusan Permohonan Tanah Kerajaan Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Bilangan Kelulusan Permohonan Tanah Kerajaan Mengikut Jenis Hak Milik Tanah		Jumlah
	Native Title (NT)	Country Lease (CL)	
2012	2,619	27	2,646
2013	6,017	45	6,062
2014	4,926	50	4,976
Jumlah Keseluruhan	13,562	122	13,684

Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur

1.4.2.2. **Jadual 1.5** menunjukkan bagi tempoh 3 tahun sebanyak 13,684 permohonan tanah telah diluluskan. Semakan Audit mendapati bilangan kelulusan permohonan tanah pada tahun 2013 telah meningkat kepada 6,062 iaitu bertambah sebanyak 3,416 atau 56.4% berbanding kelulusan permohonan tanah pada tahun 2012. Manakala, pada tahun 2014, pihak Audit mendapati sebanyak 4,976 permohonan tanah telah diluluskan iaitu penurunan sebanyak 1,086 atau 21.8% berbanding tahun 2013.

1.4.2.3. Semakan Audit terhadap 19 permohonan tanah bagi 4 daerah mendapati sebanyak 7 atau 36.8% telah diproses di peringkat Pejabat Hasil Bumi dalam tempoh 3 bulan yang ditetapkan. Manakala, sebanyak 12 daripada 19 permohonan tanah bagi 4 daerah atau 63.2% telah diproses di peringkat Pejabat Hasil Bumi melebihi tempoh masa 3 bulan yang ditetapkan. Pemeriksaan Audit mendapati kelewatan memproses permohonan tanah di peringkat Pejabat Hasil Bumi berlaku disebabkan oleh *land swap*, pembubaran warta, tanah yang dipohon termasuk dalam kawasan pencegahan banjir, pertindihan permohonan tanah, simpanan jalan raya dan lain-lain. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6
Tempoh Masa Diambil Untuk Memproses Kelulusan Permohonan Tanah Kerajaan
Di Peringkat Pejabat Hasil Bumi Di 4 Daerah Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Bil.	No. Permohonan Tanah	Tempoh Masa Yang Diambil (Bulan)	Catatan
2012	1.	2009010023	11	Melibatkan pampasan tanah, pembubaran warta dan lain-lain.
	2.	2010010100	3	Diproses dalam tempoh 3 bulan.
	3.	2010021187	3	Diproses dalam tempoh 3 bulan.
	4.	2004010105	48	Kawasan yang dipohon termasuk dalam kawasan Kerja Pencegahan Banjir. Pengesahan semula kepada Jabatan Pengairan Dan Saliran.
2013	5.	2012210048	7	Mesyuarat dengan pihak yang terlibat kerana melibatkan <i>land swap</i> .
	6.	2012020417	3	Diproses dalam tempoh 3 bulan.
	7.	2007010016	14	Turut melibatkan 7 permohonan tanah Kerajaan untuk tujuan pembinaan terminal bas. Semua permohonan dibawa bersama untuk kelulusan peringkat Kabinet Negeri.
	8.	2006020240	9	Kelewatan semakan permohonan tanah untuk kelulusan di peringkat Kabinet Negeri.
	9.	2011010280	3	Diproses dalam tempoh 3 bulan.
	10.	2010010346	3	Diproses dalam tempoh 3 bulan.
	11.	2006010180	21	Kawasan yang dipohon termasuk dalam simpanan jalan raya dan pengesahan daripada pihak berwajib.
	12.	2011010001	16	Kawasan yang dipohon bertindih dengan permohonan tanah pihak lain. Pengesahan semula oleh pihak Pejabat Hasil Bumi kepada Juruukur Daerah.
	13.	2009031305	30	Kawasan yang dipohon bertindih dengan permohonan tanah pihak lain dan pengesahan permohonan tanah dibuat kerana wujud bantahan pihak lain.
2014	14.	2007010091	61	Kawasan yang dipohon merupakan kawasan yang telah diwartakan. Sehubungan itu, pewartaan kawasan perlu dibubarkan.
	15.	98010372	165	Kawasan yang dipohon merupakan kawasan yang telah diwartakan. Sehubungan itu, pewartaan kawasan perlu dibubarkan. Turut melibatkan kes mahkamah.
	16.	2001010260	73	Kawasan yang dipohon melibatkan permohonan tanah yang telah diluluskan. Pengesahan semula kepada pihak Jabatan Tanah.
	17.	95010261	196	Kawasan yang dipohn merupakan kawasan yang telah diwartakan. Sehubungan itu, pewartaan kawasan perlu dibubarkan.
	18.	2009020490	3	Diproses dalam tempoh 3 bulan.
	19.	2012010316	3	Diproses dalam tempoh 3 bulan.

Sumber: Pejabat Hasil Bumi

Pada pendapat Audit, prestasi memproses kelulusan permohonan tanah Kerajaan di peringkat Pejabat Hasil Bumi adalah rendah berbanding jumlah permohonan tanah Kerajaan di PPHT. Selain itu, permohonan tanah Kerajaan boleh diproses dalam tempoh 3 bulan yang ditetapkan sekiranya permohonan tanah Kerajaan tidak melibatkan *land swap*, pembubaran warta, tanah yang dipohon termasuk dalam kawasan pencegahan banjir, pertindihan permohonan tanah, simpanan jalan raya dan lain-lain.

1.4.3. Pembangunan Tanah

1.4.3.1. Pemilik tanah adalah terikat dengan syarat geran di mana pemilik tanah hendaklah menyiapkan pembangunan mengikut tujuan permohonan tanah dalam tempoh masa yang telah dinyatakan dalam syarat geran. Pemilik tanah boleh memohon perlanjutan tempoh pembangunan sekiranya pembangunan tidak dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan Jabatan Tanah mengenakan premium tambahan kepada pemilik tanah berkenaan.

1.4.3.2. Pihak Audit telah menyemak 8 tapak tanah yang diberi milik oleh Jabatan Tanah dan Pejabat Hasil Bumi pada tahun 2011 untuk tujuan pembangunan. Lawatan Audit ke 8 tapak tanah berkenaan mendapati satu tapak tanah yang diberi milik telah siap dibangunkan mengikut tujuan permohonan tanah manakala 7 tapak tanah masih dalam proses kerja pembangunan. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap 7 tapak tanah berkenaan mendapati ianya masih dalam tempoh pembangunan iaitu sehingga 1 Januari 2016. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.7** dan **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2**.

Jadual 1.7
Status Pembangunan Tanah Bagi Tanah Yang Telah Diberi Milik

Bil.	No. Permohonan Tanah	Jenis Pembangunan/ Keluasan	Tarikh Lulus	Tarikh Syarat Pembangunan Sepatutnya Siap Mengikut Geran	Status Pembangunan
1.	2007010096	Perumahan/ 1.626 ekar	1.2.2011	1.1.2016	Perumahan siap dibangunkan. Gambar 1.1.
2.	2008010082	Hotel/ 2.22 ekar	7.2.2011	1.1.2016	Kerja-kerja pembangunan sedang dijalankan. Gambar 1.2.
3.	2008010083	Perumahan/ 6.86 ekar	7.2.2011	1.1.2016	
4.	2008010084	Hotel/ 1.16 ekar	7.2.2011	1.1.2016	
5.	2008010085	Hotel/ 8.60 ekar	7.2.2011	1.1.2016	
6.	2008010087	Komersial/ 4.75 ekar	7.2.2011	1.1.2016	
7.	2008010088	Komersial/ 4.96 ekar	7.2.2011	1.1.2016	
8.	2008010089	Hotel/ 3.34 ekar	7.2.2011	1.1.2016	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 1.1
Kawasan Telah Dibangunkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Lipat, Kota Kinabalu
Tarikh: 27 November 2014

Gambar 1.2
Kerja-kerja Pembangunan Sedang Dijalankan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Aru, Kota Kinabalu
Tarikh: 13 November 2014

1.4.3.3. Pada tahun 2010 hingga 2014, sebanyak 947 hak milik telah diluluskan untuk perlanjutan tempoh pembangunan dengan premium tambahan berjumlah RM7.51 juta telah dikenakan kepada pemilik tanah berkenaan.

Pada pendapat Audit, pihak Jabatan Tanah perlu memantau prestasi pembangunan tanah yang diberi milik kepada agensi awam atau swasta agar pembangunan dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan bagi menjana ekonomi negeri Sabah dan dimanfaatkan oleh orang awam.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan terhadap pengurusan pemberimilikan tanah Kerajaan kepada agensi awam dan agensi swasta, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Tanah Dan Ukur dan Pejabat Hasil Bumi meningkatkan mekanisme koordinasi dan komunikasi di kalangan agensi Kerajaan/ bahagian/ unit dan pegawai/kakitangan yang terlibat agar permohonan tanah dapat diproses dalam tempoh masa yang ditetapkan.

KORPORASI PEMBANGUNAN DESA

2. PENGURUSAN PROGRAM TERNAKAN SECARA PERLADANGAN KONTRAK

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Korporasi Pembangunan Desa (KPD) adalah sebuah agensi Kerajaan di bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan Sabah (KPIM). Tanggungjawab utama KPD ialah untuk meningkatkan taraf hidup ekonomi dan sosial masyarakat luar bandar terutama penduduk miskin di Sabah. Sebagai sebuah badan korporat Kerajaan Negeri, KPD juga mempunyai matlamat untuk menambah nilai bersih keseluruhan korporat agar dapat memberikan perkhidmatan dengan cekap dan berkesan.

2.1.2. KPD bertanggungjawab menjalankan pelbagai program, antaranya ialah Program Ternakan Secara Perladangan Kontrak dengan petani dan ladang milik KPD sendiri. Matlamat Program Ternakan Secara Perladangan Kontrak adalah membantu kumpulan sasaran mengadakan kegiatan ekonomi yang berdaya kekal untuk membolehkan mereka meningkatkan pendapatan di atas garis kemiskinan. Dasar Program Perladangan Secara Kontrak (Pindaan 2, November 2011) diguna pakai dalam pelaksanaan projek di bawah Program Ternakan Secara Perladangan Kontrak KPD. Program ini telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh KPD sejak tahun 1991.

2.1.3. Dasar Program Perladangan Secara Kontrak merupakan suatu pakej pembangunan yang lengkap dan mengandungi kesemua keperluan seperti input ladang, khidmat nasihat, latihan, pengangkutan, pemprosesan dan pemasaran. Di bawah dasar ini, KPD akan membantu peserta program dengan cara membekalkan mereka kredit dalam bentuk input ladang seperti anak ayam, makanan ayam, ubat-ubatan, haif/rumah lebah, penggempar, pengasap dan sebagainya pada harga kos. Peserta pula menyediakan tapak tanah, tenaga kerja dan pengurusan projek. KPD juga akan membantu memasarkan hasil keluaran projek bagi pihak peserta dan kemudian akan memotong sebahagian harganya secara beransur-ansur sebagai bayaran kepada harga input. Latihan dan khidmat nasihat serta bantuan teknikal diberikan secara percuma oleh KPD kepada peserta. Pemberian ini berterusan selagi peserta masih menjalankan projek tersebut. Pendekatan ini dapat meningkatkan penggunaan tanah terbiar dan sumber tenaga kerja kepada penggunaan yang lebih produktif dengan tidak memerlukan modal yang tinggi.

2.1.4. Program Ternakan Secara Perladangan Kontrak terdiri daripada projek ternakan ayam pedaging dan projek ternakan lebah madu. Sehingga 10 Julai 2014, terdapat seramai 60 peserta yang melibatkan diri dalam projek ternakan ayam pedaging dan 597 peserta yang mengusahakan projek ternakan lebah madu. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Taburan Peserta Program Ternakan Secara Perladangan Kontrak
Mengikut Kawasan Setakat 10 Julai 2014

Bil.	Kawasan	Bil. Peserta (orang)		Jumlah
		Ayam Pedaging	Lebah Madu	
1	Beaufort	12	0	12
2	Membakut	6	0	6
3	Papar	11	0	11
4	Penampang	1	0	1
5	Tuaran	5	0	5
6	Kota Belud	23	52	75
7	Keningau	2	34	36
8	Pitas/Paitan	0	53	53
9	Kudat	0	164	164
10	Kota Marudu	0	69	69
11	Telupid/Tongod	0	8	8
12	Sipitang	0	122	122
13	Nabawan	0	13	13
14	Sepulut	0	3	3
15	Sook	0	36	36
16	Tambunan	0	43	43
Jumlah		60	597	657

Sumber: Korporasi Pembangunan Desa

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Program Ternakan Secara Perladangan Kontrak KPD telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.3.1. Skop pengauditan meliputi pemilihan kawasan program, pemilihan peserta, kaedah pelaksanaan program dan kredit yang diberikan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 oleh KPD kepada peserta. Seramai 108 atau 16.4% daripada 657 peserta telah dipilih sebagai sampel Audit meliputi 30 peserta ternakan ayam pedaging dari kawasan Beaufort, Membakut, Papar, Penampang, Tuaran dan Kota Belud serta 78 peserta ternakan lebah madu dari kawasan Kota Marudu, Kota Belud, Kudat dan Sipitang berdasarkan bilangan peserta yang ramai di kawasan tersebut.

2.3.2. Metodologi pengauditan adalah dengan membuat semakan terhadap rekod, fail, laporan prestasi Program Ternakan, dokumen berkaitan seperti dasar dan surat perjanjian peserta, perbincangan dan temu bual dengan pegawai dan peserta yang terlibat dengan Program Ternakan Secara Perladangan Kontrak. Lawatan dilaksanakan di Ibu Pejabat KPD, pejabat KPD kawasan Kudat, Kota Belud, Kota Marudu dan Sipitang. Selain itu, lawatan tapak projek ternakan dilaksanakan di daerah Penampang, Tuaran, Papar, Beaufort, Sipitang, Kota Belud, Kota Marudu dan Kudat bagi memastikan Program Ternakan Secara Perladangan Kontrak dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan serta dipantau dengan baik. Borang soal selidik juga diedarkan kepada peserta program untuk

mendapatkan maklum balas terhadap keberkesanan program ini. *Exit conference* bersama Pengurus Besar KPD telah diadakan pada 2 Februari 2015 yang turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan Sabah dan Ketua Audit Dalam Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap Program Ternakan Secara Perladangan Kontrak KPD telah dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2014 dan lawatan Audit telah dijalankan pada bulan September dan Oktober 2014. Secara keseluruhannya, pengurusan Program Ternakan Secara Perladangan Kontrak KPD adalah memuaskan dari segi penggunaan peruntukan dan peningkatan pendapatan peserta projek ternakan ayam pedaging serta pencapaian sasaran pengeluaran dan jualan ayam pedaging dan madu lebah. Begitu juga dengan bekalan input ladang kepada peserta. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Kriteria pemilihan peserta tidak menepati sasaran sepenuhnya.
- Tunggakan bayaran balik kredit input ladang bagi projek ternakan lebah madu melebihi 5 tahun.

2.4.1. Prestasi Program

2.4.1.1. Prestasi Perbelanjaan

- a. Jumlah perbelanjaan sebenar bagi projek ternakan ayam pedaging bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah RM97.67 juta atau 83.4% daripada bajet tahunan KPD. Manakala jumlah perbelanjaan sebenar bagi projek ternakan lebah madu bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah RM2.53 juta atau 38.8% daripada bajet tahunan KPD. Bajet tahunan KPD adalah gabungan daripada sumber peruntukan dalaman KPD dan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri. KPD telah membiayai sejumlah RM94.46 juta daripada jumlah perbelanjaan sebenar dengan menggunakan peruntukan dalaman KPD sendiri. Peruntukan dalaman KPD adalah melalui penjanaan hasil projek dan lain-lain hasil bukan projek seperti dividen, sewa dan sebagainya. Maklumat lanjut prestasi perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Prestasi Perbelanjaan Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Projek	Tahun	Bajet Tahunan KPD (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
Ayam Pedaging	2012	24,325,445	24,599,736	101.1
	2013	27,023,997	29,533,970	109.3
	2014	65,810,297	43,539,064	66.2
	Jumlah	117,159,739	97,672,770	83.4
Lebah Madu	2012	3,392,611	906,751	26.7
	2013	1,777,245	834,665	47.0
	2014	1,348,806	786,195	58.3
	Jumlah	6,518,662	2,527,611	38.8

Sumber: Korporasi Pembangunan Desa

- b. Berdasarkan maklum balas KPD bertarikh 29 Januari 2015, 26 Februari 2015 dan Exit Conference bertarikh 2 Februari 2015, prestasi perbelanjaan bagi projek ternakan ayam pedaging bagi tahun 2014 adalah rendah kerana seramai 13 penternak dengan kapasiti kandang 47,500 ekor ayam/pusingan tidak dapat menternak disebabkan kandang telah usang, sedang dalam pembaikpulihan dan peserta baru belum menyiapkan kandang mereka. Bagi projek ternakan lebah madu, koloni lebah berkurang akibat daripada koloni lebah yang lari dan menghilang tanpa dapat dikesan. Kesannya perbelanjaan bagi pembelian input pertanian seperti gelodok, haif, penggempar, veil atau gelen adalah kurang kerana tiada permintaan daripada petani. Berikut itu pengeluaran madu telah menurun dan pembelian madu lebah daripada petani adalah rendah. Selain itu, apabila peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri semakin berkurangan maka keupayaan pihak KPD menggunakan pendekatan secara sosio-ekonomi akan terjejas. Pihak KPD perlu menggunakan peruntukan daripada sumber dalaman bagi melaksanakan projek dengan menggunakan pendekatan yang lebih berdaya maju.

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan bagi projek ternakan ayam pedaging adalah baik. Manakala prestasi perbelanjaan bagi projek ternakan lebah madu adalah kurang memuaskan kerana jumlah perbelanjaan hanya 38.8% bagi tahun 2012 hingga 2014.

2.4.1.2. Prestasi Penyertaan Peserta

- a. Berdasarkan Laporan Pemantauan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama KPD, seramai 56 peserta pada tahun 2012, 42 peserta pada tahun 2013 dan 127 peserta pada tahun 2014 telah disasarkan untuk projek ternakan ayam pedaging. Bagi projek ternakan lebah madu, KPD telah menyasarkan seramai 597 peserta pada kedua-dua tahun 2012 dan 2013 serta 681 peserta pada tahun 2014. Butiran lanjut perbandingan sasaran dan pencapaian sebenar peserta projek ternakan ayam pedaging dan projek ternakan lebah madu adalah seperti di Jadual 2.3.

Jadual 2.3
Sasaran Peserta Berbanding Pencapaian Sebenar
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Ayam Pedaging				Lebah Madu			
	Sasaran (orang)	Sebenar (orang)	Perbezaan (orang)	Peratus Pencapaian (%)	Sasaran (orang)	Sebenar (orang)	Perbezaan (orang)	Peratus Pencapaian (%)
2012	56	42	14	75.0	597	597	0	100
2013	42	52	(10)	123.8	597	597	0	100
2014	127	62	65	48.8	681	602	79	88.4

Sumber: Korporasi Pembangunan Desa

- b. Berdasarkan **Jadual 2.3**, pada tahun 2012 pencapaian sebenar bilangan peserta bagi projek ternakan ayam pedaging adalah seramai 42 peserta atau 75% iaitu kurang 14 peserta daripada jumlah yang disasarkan. Bagi tahun 2013, bilangan peserta adalah seramai 52 peserta atau 123.8% berbanding 42 peserta yang disasarkan. Manakala pencapaian sebenar bilangan peserta pada tahun 2014 adalah seramai 62 peserta atau 48.8% iaitu kurang 65 peserta daripada jumlah yang disasarkan.
- c. Bagi projek ternakan lebah madu, jumlah penyertaan peserta telah mencapai sasaran yang ditetapkan pada tahun 2012 dan 2013. Bagaimanapun, analisis Audit terhadap senarai peserta yang dikemukakan daripada pihak KPD setakat 10 Julai 2014 mendapati daripada 597 peserta, hanya 156 atau 26.1% peserta aktif yang masih menjalankan projek ini seperti **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Senarai Peserta Yang Masih Menjalankan Projek Ternakan Lebah Madu

Bil.	Kawasan	Jumlah Peserta Mengikut KPD Setakat 10 Julai 2014	Jumlah Peserta Aktif	Peratus (%)
1.	Kota Belud	52	32	61.5
2.	Keningau	34	13	38.2
3.	Pitas/Paitan	53	7	13.2
4.	Kudat	164	44	26.8
5.	Kota Marudu	69	20	29.0
6.	Telupid/Tongod	8	1	12.5
7.	Sipitang	122	37	30.3
8.	Nabawan	13	0	0
9.	Sepulut	3	0	0
10.	Sook	36	2	5.6
11.	Tambunan	43	0	0
Jumlah		597	156	26.1

Sumber: Korporasi Pembangunan Desa

- d. Bagaimanapun, hasil lawatan tapak projek penternakan terhadap 67 daripada 156 peserta tersebut pada bulan September dan Oktober 2014 mendapati seramai 47 peserta yang tidak aktif lagi dalam projek ini tetapi masih disenaraikan sebagai peserta aktif dalam rekod KPD seperti di **Jadual 2.5**. Hasil temu bual dengan peserta juga mendapati 9 peserta memohon ditukarkan ke program lain seperti tanaman halia, limau dan kelapa sawit. Antara sebab peserta tidak aktif adalah hasil

pendapatan yang tidak menentu, dipengaruhi faktor persekitaran dan cuaca yang menjelaskan pengeluaran madu lebah serta masalah serangan tebuan dan anai-anai.

Jadual 2.5
Peserta Aktif Projek Ternakan Lebah Madu
Berdasarkan Lawatan Audit

Bil.	Kawasan	Jumlah Sampel Peserta	Jumlah Peserta Aktif Berdasarkan Lawatan Audit	Peratus (%)
1.	Kota Belud	13	1	7.7
2.	Kudat	22	11	50.0
3.	Kota Marudu	12	7	58.3
4.	Sipitang	20	1	5.0
Jumlah		67	20	29.9

Sumber: Jabatan Audit Negara

- e. **Berdasarkan maklum balas KPD bertarikh 29 Januari 2015 dan 26 Februari 2015, berikut dengan peningkatan kos penyediaan peralatan kandang yang tinggi, ramai pemohon membatalkan hajat mereka untuk menyertai projek ternakan ayam pedaging. Selain itu, kawasan yang dicadangkan untuk tapak projek adalah tidak sesuai. Pada tahun 2014, kos untuk membina sebuah kandang berkapasiti 5,000 ekor ayam yang lengkap dengan peralatan boleh mencapai antara RM70,000 sehingga RM150,000 bergantung kepada lokasi dan topografi tapak tanah untuk mendirikan kandang berkenaan. Selaras dengan hasrat KPD untuk melahirkan lebih ramai usahawan, pihak KPD memberi peluang kepada penternak-penternak sedia ada yang berkemampuan untuk mempertingkatkan skala pengeluaran projek dengan memperbesarkan kandang untuk menambah bilangan ayam yang diternak dan seterusnya memberi pulangan yang lebih tinggi. Pengambilan peserta baru bagi tahun 2014 diperlahankan kerana memberi tumpuan untuk mengaktifkan peserta-peserta sedia ada yang tidak aktif. Manakala bagi projek ternakan lebah madu, bilangan peserta yang aktif kurang memuaskan pada tahun 2014 kerana kawasan yang menjadi habitat lebah telah musnah akibat pembukaan tanaman getah dan kelapa sawit. Selain itu, terdapat peserta yang tidak berminat lagi meneruskan projek atau berhijrah ke tempat lain untuk bekerja dan sebahagian beralih ke program lain.**

Pada pendapat Audit, prestasi penyertaan peserta bagi ternakan ayam pedaging adalah kurang memuaskan bagi tahun 2014. Bagi ternakan lebah madu, bilangan peserta aktif berdasarkan lawatan Audit adalah tidak memuaskan kerana hanya 20 atau 29.9% daripada 67 sampel peserta yang aktif menjalankan projek ini. Pemilihan peserta dan tapak projek yang sesuai amat penting bagi membolehkan penyertaan aktif peserta berterusan.

2.4.1.3. Prestasi Pendapatan Peserta

Matlamat Program Ternakan Secara Perladangan Kontrak KPD adalah membantu kumpulan sasaran meningkatkan pendapatan di atas garis kemiskinan. Kadar pendapatan garis kemiskinan bagi Negeri Sabah mengikut Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri ialah RM1,090/isi rumah bagi kategori miskin dan RM660/isi rumah bagi kategori miskin tegar.

a. Projek Ternakan Ayam Pedaging

- i. Semakan Audit mendapati pendapatan bulanan bagi 8 atau 26.7% daripada 30 peserta ayam pedaging bagi tahun 2014 masih di bawah paras garis kemiskinan (PGK) seperti di **Jadual 2.6**. Analisis Audit mendapati 22 atau 73.4% peserta terkeluar dari paras garis kemiskinan, seramai 4 atau 13.3% peserta masih di bawah kadar pendapatan kemiskinan, seramai 4 atau 13.3% peserta di bawah kadar pendapatan kemiskinan tegar.

Jadual 2.6
Purata Pendapatan Bulanan Peserta Projek Ternakan Ayam Pedaging
Bagi Tahun 2014

Purata Pendapatan Bulanan Peserta (RM)	Kadar Pendapatan Garis Kemiskinan Bagi Negeri Sabah (RM)	Kategori	Bil. Peserta (orang)	Peratus (%)
0 – 433	660	Miskin Tegar	4	13.3
772 – 973	1,090	Miskin	4	13.3
1,191 – 26,276	>1,090	Terkeluar	22	73.4
Jumlah Peserta			30	100

Sumber: Korporasi Pembangunan Desa

- ii. Berdasarkan maklum balas KPD bertarikh 29 Januari 2015, pihak KPD menyatakan dalam keadaan di mana ternakan ayam pedaging mengalami kadar kematian yang tinggi akibat serangan penyakit atau berlaku kelewatan penuaian maka pendapatan peserta terjejas menyebabkan mereka berada dalam kategori miskin atau miskin tegar. Bagaimanapun, kategori pendapatan peserta akan berubah dari semasa ke semasa bergantung kepada keadaan ternakan yang diusahakan.

b. Projek Ternakan Lebah Madu

- i. Semakan Audit mendapati pendapatan bulanan bagi 26 atau 33.3% daripada 78 peserta lebah madu yang mempunyai hasil madu lebah bagi tahun 2014 masih di bawah PGK seperti di **Jadual 2.7**. Analisis Audit mendapati 5 atau 6.4% peserta masih di bawah kadar pendapatan kemiskinan, seramai 21 atau 26.9% peserta di bawah kadar pendapatan kemiskinan tegar manakala 52 atau 66.7% peserta tidak mempunyai hasil pendapatan daripada ternakan lebah madu.

Jadual 2.7
Purata Pendapatan Bulanan Peserta Projek Ternakan Lebah Madu Bagi Tahun 2014

Purata Pendapatan Bulanan Projek Lebah Madu (RM)	Purata Pendapatan Bulanan Sebelum Menyertai Projek Lebah Madu (RM)	Jumlah Purata Pendapatan Bulanan Peserta (RM)	Kadar Pendapatan Garis Kemiskinan Bagi Negeri Sabah (RM)	Kategori	Bil. Peserta (orang)	Peratus (%)
1 – 297	250 – 500	277 – 647	660	Miskin Tegar	21	26.9
378 – 502	450 – 500	828 – 1,002	1,090	Miskin	5	6.4
-	-	-	>1,090	Terkeluar	0	0
-	-	-	-	Tiada Hasil	52	66.7
Jumlah Peserta					78	100

Sumber: Korporasi Pembangunan Desa

- ii. Pendapatan yang diperolehi daripada ternakan lebah madu merupakan pendapatan tambahan. Para peserta yang terlibat mempunyai sumber pendapatan utama melalui aktiviti pertanian seperti menanam padi, monoreh getah, mengusahakan kelapa sawit dan lain-lain.
- iii. **Berdasarkan maklum balas KPD bertarikh 29 Januari 2015, pihak KPD menyatakan pendapatan daripada projek ternakan lebah madu tidak memuaskan dan peserta masih di bawah kategori miskin atau miskin tegar disebabkan hasil daripada penternakan lebah madu adalah tidak menentu akibat koloni lebah yang lari. Bagaimanapun, keberkesanan projek ini banyak dipengaruhi oleh faktor cuaca dan sumber nektar lebah madu.**

Pada pendapat Audit, pendapatan peserta projek ternakan ayam pedaging adalah memuaskan kerana 22 atau 73.4% peserta terkeluar dari paras garis kemiskinan. Manakala pendapatan peserta projek ternakan lebah madu tidak memuaskan kerana semua peserta masih di bawah kategori miskin atau miskin tegar.

2.4.1.4. Prestasi Pengeluaran

- a. Pencapaian sebenar dan sasaran bagi pengeluaran ayam pedaging dan lebah madu di bawah Program Perladangan Secara Kontrak berdasarkan Laporan Kemajuan Projek bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8
Prestasi Pengeluaran Ternakan Ayam Pedaging Dan Lebah Madu

Ternakan	Tahun	Hasil Ternakan (mt)		Perbezaan (mt)	Peratus Pencapaian (%)
		Sasaran	Sebenar		
Ayam Pedaging	2012	2,154	2,404.23	250.23	111.6
	2013	2,203	2,766.36	563.36	125.6
	2014	6,232	4,113.14	(2,118.86)	66.0
Jumlah Keseluruhan		10,589	9,283.73	(1,305.27)	87.7
Lebah Madu	2012	37	7.22	(29.78)	19.5
	2013	12	5.45	(6.55)	45.4
	2014	12	12.15	0.15	101.3
Jumlah Keseluruhan		61	24.82	(36.18)	40.7

Sumber: Korporasi Pembangunan Desa

- b. Berdasarkan **Jadual 2.8**, prestasi pencapaian sasaran pengeluaran berbanding pencapaian sebenar bagi ayam pedaging adalah sangat baik di mana peratus pencapaian adalah 111.6% bagi tahun 2012 dan 125.6% bagi tahun 2013. Peratus pengeluaran ayam yang meningkat adalah disebabkan peningkatan bilangan ayam yang diternak dan dituai. Bagaimanapun, terdapat perbezaan pengeluaran sejumlah 2,118.86 tan metrik bagi tahun 2014 disebabkan pembekal DOC (*Day Old Chicks*) tidak dapat membekalkan anak ayam mengikut permintaan. Selain itu, purata kematian ayam melebihi sasaran 10% iaitu 11.8% pada tahun 2013 dan 11.5% pada tahun 2014 akibat ayam lambat dituai, cuaca panas dan serangan penyakit turut menjelaskan prestasi pengeluaran.

- c. Prestasi pencapaian sasaran pengeluaran berbanding pencapaian sebenar bagi madu lebah adalah kurang memuaskan di mana peratus pencapaian adalah 19.5% bagi tahun 2012 dan 45.4% bagi tahun 2013. Antara sebab hasil pengeluaran madu lebah tidak mencapai sasaran adalah lebah *Apis Cerana* yang diternak kurang menghasilkan madu. Faktor persekitaran dan cuaca yang tidak menentu menjelaskan pengeluaran madu lebah. Bagaimanapun, pencapaian pengeluaran pada tahun 2014 adalah sangat baik iaitu 101.3% berbanding dengan sasaran yang ditetapkan.

- d. **Berdasarkan maklum balas KPD bertarikh 29 Januari 2015 dan 26 Februari 2015, pada tahun 2014 pengeluaran ayam pedaging tidak mencapai sasaran disebabkan kekurangan anak ayam daripada beberapa pembekal yang mengutamakan kemasukan ke kandang sendiri terlebih dahulu khususnya pada musim perayaan. Bagi ayam lambat dituai adalah disebabkan masalah pengurusan kilang pemprosesan Agro Desa, anak syarikat milik KPD yang baru siap dibina dan beroperasi. Selain itu, cuaca panas dan tidak menentu serta kejadian serangan penyakit mengakibatkan kematian kepada ayam. Selain itu, seramai 13 peserta yang mempunyai jumlah kapasiti kandang 47,500 ekor ayam/pusingan tidak dapat menerima kemasukan anak ayam disebabkan kandang telah usang dan menunggu untuk dibaikpulih atau peserta baru yang belum menyiapkan kandang sepenuhnya. Pada tahun 2014, berlaku kematian**

ayam yang tinggi oleh seorang penternak di Kota Belud akibat kandang yang roboh pada 8 September 2014 di mana bilangan ayam yang mati adalah sebanyak 2,150 ekor atau 35.8%. Prestasi pengeluaran madu lebah pada tahun 2012 hingga 2013 adalah kurang memuaskan akibat daripada koloni lebah yang lari daripada haif dan menghilang tanpa dapat dikesan. Selain itu, faktor persekitaran seperti kekurangan sumber makanan dan cuaca yang tidak menentu turut menjelaskan pengeluaran madu. Pengeluaran madu meningkat pada tahun 2014 disebabkan sumbangaan daripada hasil madu potiukan sebanyak 9.98mt dan pengaruh sumber makanan dari nektar dan pollen (debunga) daripada pokok buah-buahan yang meningkat.

Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran ayam pedaging adalah sangat baik bagi tahun 2012 dan 2013 tetapi memuaskan bagi tahun 2014. Prestasi pengeluaran lebah madu adalah kurang memuaskan bagi tahun 2012 dan 2013 tetapi sangat baik bagi tahun 2014.

2.4.1.5. Prestasi Jualan

- Pencapaian sebenar dan sasaran bagi jualan ayam pedaging dan lebah madu berdasarkan Laporan Kemajuan Projek bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9
Prestasi Jualan Ternakan Ayam Pedaging dan Lebah Madu

Ternakan	Tahun	Hasil Jualan Ternakan		Perbezaan (RM)	Peratus Pencapaian (%)
		Sasaran (RM)	Sebenar (RM)		
Ayam Pedaging	2012	11,095,200	10,200,027	(895,173)	91.9
	2013	12,707,280	13,581,644	874,364	106.9
	2014	33,426,187	21,160,613	(12,265,574)	63.3
Jumlah Keseluruhan		57,228,667	44,942,284	(12,286,383)	78.5
Lebah Madu	2012	744,520	265,018	(479,502)	35.6
	2013	242,160	187,872	(54,288)	77.6
	2014	264,011	220,410	(43,601)	83.5
Jumlah Keseluruhan		1,250,691	673,300	(577,391)	53.8

Sumber: Korporasi Pembangunan Desa

- Jualan ayam pedaging adalah meliputi ayam hidup dan ayam proses (ayam bulat dan parts). Analisis Audit mendapati prestasi jualan bagi ayam pedaging adalah 91.9% bagi tahun 2012 manakala bagi tahun 2013 sejumlah 106.9% dan 63.3% pada tahun 2014. Jumlah jualan ini adalah ayam yang dikeluarkan oleh peserta kontrak dan juga KPD. Maklumat daripada pihak KPD bahawa jualan yang dikeluarkan oleh KPD hanyalah kuantiti yang kecil dengan anggaran 2.2% pada tahun 2012, pada tahun 2013 sejumlah 1.9% dan 3.7% pada tahun 2014. Manakala analisis Audit mendapati prestasi jualan bagi madu lebah adalah 35.6% bagi tahun 2012, bagi tahun 2013 sejumlah 77.6% dan 83.5% bagi tahun 2014.

- c. Berdasarkan maklum balas KPD bertarikh 29 Januari 2015 dan 26 Februari 2015, pencapaian hasil jualan bergantung sepenuhnya kepada bekalan daripada peserta dan harga pasaran semasa. Sasaran jualan ayam pedaging tidak tercapai bagi tahun 2014 disebabkan bekalan anak ayam yang tidak menepati jadual sehingga pengeluaran ayam tidak seperti yang dirancang.

Pada pendapat Audit, prestasi jualan ayam pedaging bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah baik kerana mencapai 78.5% berbanding jumlah yang disasarkan. Bagi madu lebah, prestasi jualan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah memuaskan kerana mencapai 53.8% daripada jumlah yang disasarkan.

2.4.2. Pelaksanaan Program

2.4.2.1. Kriteria Pemilihan Peserta Tidak Menepati Sasaran Sepenuhnya

- a. Mengikut Dasar Program Perladangan Secara Kontrak Pindaan 2, November 2011, kriteria pemilihan peserta hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
- Warganegara Malaysia berasal dari Sabah.
 - Berpendapatan di bawah garis kemiskinan.
 - Berumur di antara 18-65 tahun. Petani melebihi 65 tahun akan dipertimbangkan berdasarkan kesihatan petani.
 - Memiliki tanah/kawasan yang sesuai.
 - Mestilah petani sepenuh masa dan mempunyai tenaga buruh dari kalangan ahli keluarga.
 - Tanah/kawasan yang dicadangkan berhampiran tempat kediaman peserta.
 - Bersetuju membayar balik pinjaman mengikut syarat yang ditetapkan.
 - Mengikut latihan yang dianjurkan oleh KPD.
- b. Daripada 60 peserta projek ayam pedaging dan 597 peserta projek lebah madu, sejumlah 30 atau 50% fail peserta projek ternakan ayam pedaging dan 78 atau 13.1% fail peserta projek ternakan lebah madu telah dijadikan sampel untuk semakan dokumen pemilihan peserta program. Hasil semakan Audit mendapati syarat-syarat berkaitan pemilihan peserta telah dipatuhi kecuali perkara berikut:
- i. **Pendapatan Peserta Semasa Memohon Menyertai Projek Di Luar Paras Garis Kemiskinan**
- Menurut Perkara 6, Dasar Program Perladangan Secara Kontrak antara kriteria pemilihan peserta adalah peserta hendaklah berpendapatan di

bawah paras garis kemiskinan (PGK) manakala antara kelayakan yang ditetapkan pada Borang Permohonan, adalah memberi keutamaan kepada pemohon yang berpendapatan rendah. Kadar pendapatan garis kemiskinan tahun 2012 bagi Negeri Sabah mengikut Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan purata pendapatan bulanan peserta ayam pedaging berdasarkan Borang Permohonan yang berjaya adalah seperti di **Jadual 2.10**.

Jadual 2.10
Purata Pendapatan Peserta Projek
Ternakan Ayam Pedaging Berdasarkan PGK

Kategori	Kadar Pendapatan Garis Kemiskinan Tahun 2012 Bagi Negeri Sabah (RM)	Purata Pendapatan Bulanan Peserta (RM)	Bil. Peserta (orang)	Peratus (%)
Miskin Tegar	660	300 – 600	3	10.0
Miskin	1,090	900 – 1,000	5	16.7
Terkeluar	>1,090	1,500 – 8,000	20	66.7
Tiada Maklumat Pendapatan	-	-	2	6.6
Jumlah Peserta			30	100

Sumber: Korporasi Pembangunan Desa

- Berdasarkan **Jadual 2.10**, analisis Audit mendapati semasa membuat permohonan menyertai projek, seramai 3 atau 10% daripada 30 peserta ayam pedaging di kategori miskin tegar yang mempunyai purata pendapatan sebulan antara RM300 hingga RM600, seramai 5 atau 16.7% peserta di kategori miskin yang mempunyai purata pendapatan sebulan antara RM900 hingga RM1,000 dan seramai 20 atau 66.7% peserta terkeluar dari PGK yang mempunyai purata pendapatan sebulan antara RM1,500 hingga RM8,000. Selain itu, seramai 2 atau 6.6% daripada 30 peserta ayam pedaging tidak dicatatkan maklumat pendapatan pada Borang Permohonan.
- **Berdasarkan maklum balas KPD bertarikh 29 Januari 2015, KPD tidak lagi menerima bantuan kewangan yang mencukupi daripada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek ini sebagai program sosio-ekonomi maka pihak KPD mengambil peserta bertaraf usahawan dan mampu menyediakan kandang ayam sendiri mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Oleh itu, status ekonomi peserta tidak dihadkan kepada kumpulan peserta miskin demi memastikan projek ini bertaraf komersial dan boleh bertahan (*sustainable*). Pihak KPD telah membuat kajian semula dan penambahbaikan Dasar Program Perladangan Secara Kontrak khususnya dari segi kriteria pemilihan peserta projek ternakan ayam pedaging pada 3 Disember 2014.**

ii. Peserta Bukan Petani Sepenuh Masa

- Perkara 6, Dasar Program Perladangan Secara Kontrak menetapkan bahawa pemilihan peserta mestilah petani sepenuh masa dan mempunyai tenaga buruh dari kalangan ahli keluarga. Semakan Audit terhadap Borang Permohonan peserta mendapati 15 atau 50% daripada 30 peserta ayam pedaging bukannya petani sepenuh masa. Antara pekerjaan peserta adalah kakitangan awam, kakitangan swasta, peniaga, kontraktor dan suri rumah. Bagaimanapun, lawatan Audit ke kandang ayam peserta terlibat mendapati pengurusan penternakan ayam adalah teratur kerana peserta dibantu oleh ahli keluarga dan pekerja-pekerja.
- Bagi projek ternakan lebah madu, seramai 38 atau 48.7% daripada 78 peserta merupakan petani sepenuh masa, 7 atau 9% peserta bukan petani sepenuh masa dan 33 atau 42.3% peserta tiada maklumat pekerjaan. Pihak KPD memaklumkan bahawa penternakan lebah madu hanya merupakan pekerjaan sambilan dan tidak menghalang sekiranya peserta mempunyai pekerjaan selain daripada petani sepenuh masa. Ini kerana peserta tidak boleh bergantung sepenuhnya terhadap hasil pendapatan daripada penternakan lebah madu yang tidak menentu dan tidak menjamin pendapatan yang tetap.
- **Berdasarkan maklum balas KPD bertarikh 29 Januari 2015, Dasar Program Perladangan Secara Kontrak telah dipinda melalui Mesyuarat Pengurusan Kanan yang diadakan pada 3 Disember 2014 di mana pengecualian diberikan kepada peserta yang menyertai projek ternakan ayam pedaging yang dilaksanakan sebagai projek komersil, di mana kriteria pemilihan peserta tidak menilai status ekonomi peserta bagi memastikan ia boleh bertahan dan *sustainable*. Manakala bagi projek lebah madu, penglibatan peserta dalam penternakan lebah madu ini hanyalah sampingan daripada aktiviti pertanian yang dilaksanakan dengan tujuan untuk memperolehi pendapatan tambahan. Ini kerana lebah madu tidak memerlukan masa sepenuhnya di ladang ternakan.**

Pada pendapat Audit, pemilihan peserta program adalah kurang memuaskan kerana tidak mematuhi syarat-syarat seperti yang ditetapkan oleh Dasar Program Perladangan Secara Kontrak (Pindaan 2, November 2011). Namun, usaha pihak KPD yang telah membuat kajian semula dan penambahbaikan Dasar Program Perladangan Secara Kontrak khususnya dari segi kriteria pemilihan peserta projek ternakan ayam pedaging pada 3 Disember 2014 haruslah diberi pujian.

2.4.2.2. Input Ladang Secara Kredit

- a. Bagi menjayakan program ini, KPD membantu peserta dengan cara membekalkan mereka kemudahan kredit dalam bentuk input ladang pada harga kos. Bagi projek ayam pedaging, KPD membekalkan anak ayam berumur satu hari, makanan ayam, ubat-ubatan dan vaksin kepada peserta. Bagaimanapun, kemudahan kredit ini akan ditolak dari jualan hasil keluaran peserta.
- b. Berdasarkan Laporan Prestasi Pernernak Ayam Pedaging KPD, daripada kesemua 60 peserta projek ternakan ayam pedaging, kos operasi bagi input ladang bagi tahun 2012 adalah berjumlah RM9,456,208 melibatkan 34 peserta, RM12,645,494 bagi tahun 2013 melibatkan 43 peserta dan RM18,859,015 bagi tahun 2014 melibatkan 48 peserta.
- c. Bagi sampel Audit, semakan mendapati daripada 30 peserta, kos operasi bagi input ladang bagi tahun 2012 adalah berjumlah RM6,750,363 melibatkan 20 peserta, RM9,666,523 bagi tahun 2013 melibatkan 24 peserta dan RM14,610,355 bagi tahun 2014 melibatkan 30 peserta seperti di **Jadual 2.11**. Semua pembekalan input ladang adalah mencukupi kecuali bagi tahun 2014 di mana bekalan anak ayam adalah kurang kerana pembekal tidak dapat membekalkan anak ayam mengikut permintaan. Ini telah menjasaskan prestasi pengeluaran dan jualan ayam pedaging bagi tahun tersebut.

Jadual 2.11
Kos Operasi Bagi Input Ladang
Projek Ternakan Ayam Pedaging

Tahun	Bil. Peserta Terlibat (orang)	Kos Operasi Bagi Input Ladang (RM)
2012	20	6,750,363
2013	24	9,666,523
2014	30	14,610,355
Jumlah Kos Operasi		31,027,241

Sumber: Korporasi Pembangunan Desa

Pada pendapat Audit, pembekalan input ladang kepada peserta adalah baik kecuali anak ayam kurang dibekalkan pada tahun 2014.

2.4.2.3. Tunggakan Bayaran Balik Kredit Input Ladang

Merujuk kepada Perkara 7, Dasar Program Perladangan Secara Kontrak, semua kredit yang diberikan kepada peserta kontrak oleh KPD hendaklah dibayar balik melalui pemotongan hasil jualan peserta tersebut mengikut jumlah kredit sebenar pada pusingan berkenaan. Sekiranya terdapat tunggakan, bayaran balik akan diperolehi daripada jualan pada pusingan akan datang dengan kadar potongan antara 25% hingga 50% daripada keuntungan jualan.

a. Projek Ternakan Ayam Pedaging

- i. Berdasarkan Laporan Pengeluaran, Biaya Operasi, Pembayaran Balik Kredit Para Peserta Projek Pernakan Ayam Pedaging Secara Kontrak KPD setakat bulan Disember 2014, daripada kesemua 60 peserta projek ternakan ayam pedaging hanya 20 peserta yang mempunyai tunggakan. Jumlah tunggakan bagi 20 peserta ini yang meliputi kawasan Beaufort, Kota Belud, Papar, Membakut dan Penampang adalah RM363,564 di mana baki kredit input ladang tertunggak antara RM646 hingga RM95,362 dengan tempoh tunggakan antara 1 hingga 12 bulan.
- ii. Semakan Audit mendapati seramai 9 atau 30% daripada 30 sampel peserta mempunyai baki kredit input ladang tertunggak antara RM1,606 hingga RM54,978 dengan tempoh tunggakan antara 2 hingga 5 bulan setakat bulan Disember 2014 seperti di **Jadual 2.12**. Pihak KPD memaklumkan pemotongan bayaran balik kredit input ladang bagi projek ayam pedaging sentiasa dilakukan setiap kali ada penjualan hasil bagi setiap peserta.

Jadual 2.12
Jumlah Tunggakan Kredit Input Ladang
Bagi 9 Peserta Ayam Pedaging Setakat Disember 2014

Kawasan	Bil. Peserta (orang)	Tunggakan Kredit Input Ladang Setakat Disember 2014 (RM)	Tempoh Tunggakan (Bulan)	Jumlah Tunggakan (RM)
Beaufort	4	3,345 – 43,918	2 – 4	68,710
Papar	1	11,297	3	11,297
Penampang	1	1,606	3	1,606
Kota Belud	3	13,684 – 54,978	4 – 5	86,159
Jumlah	9	1,606 – 54,978	2 - 5	167,772

Sumber: Korporasi Pembangunan Desa

- iii. **Berdasarkan maklum balas KPD bertarikh 29 Januari 2015, setiap kali peserta menjual hasil maka pihak KPD melakukan potongan daripada hasil jualan mengikut jumlah kredit sebenar pada pusingan berkenaan. Namun, dalam kes di mana ternakan peserta mengalami serangan penyakit atau kematian akibat cuaca panas maka peserta mengalami kerugian dan jumlah yang tertunggak ini akan ditolak secara ansuran daripada jualan pada pusingan akan datang sehingga kesemuanya selesai dibayar.**

b. Projek Ternakan Lebah Madu

- i. Berdasarkan *Loan Balance Report* Unit Kewangan KPD setakat bulan Disember 2014, daripada kesemua 597 peserta projek ternakan lebah madu, seramai 592 peserta mempunyai jumlah tunggakan kredit input ladang RM65,022 di mana baki tertunggak antara RM10 hingga RM2,422 dengan tempoh tunggakan melebihi 5 tahun seperti di **Jadual 2.13**.

Jadual 2.13
Jumlah Tunggakan Kredit Input Ladang
Bagi Kesemua Peserta Lebah Madu Setakat Disember 2014

Kawasan	Bil. Peserta (orang)	Tunggakan Kredit Input Ladang Setakat Disember 2014 (RM)	Tempoh Tunggakan	Jumlah Tunggakan (RM)
Kota Marudu	117	11 – 2,422	> 5 tahun	17,182
Pitas	153	11 – 680	> 5 tahun	12,800
Kudat	322	10 – 1,329	> 5 tahun	35,040
Jumlah	592	10 – 2,422	> 5 tahun	65,022

Sumber: Korporasi Pembangunan Desa

- ii. Semakan Audit terhadap 78 sampel peserta mendapati hanya 2 atau 2.6% peserta yang mempunyai baki tunggakan masing-masing RM97 dan RM10. Pegawai Unit Kewangan KPD memaklumkan tiada bayaran balik kredit input ladang bagi beberapa tahun ini disebabkan tiada hasil jualan madu lebah. Oleh itu, pemotongan bayaran tidak dapat dibuat.
- iii. **Berdasarkan maklum balas KPD bertarikh 29 Januari 2015, rekod tunggakan peserta akan disemak dan dikemas kini dari semasa ke semasa. Pemotongan hasil jualan akan dibuat bagi peserta yang ada hasil madu lebah dan masih mempunyai baki tunggakan.**

Pada pendapat Audit, bayaran balik kredit input ladang peserta projek ternakan ayam pedaging adalah memuaskan kerana pemotongan daripada hasil jualan peserta ada dilakukan. Manakala bagi projek ternakan lebah madu, bayaran balik kredit input ladang adalah tidak memuaskan kerana kutipan tunggakan tidak dibuat terhadap peserta sehingga tempoh tunggakan melebihi 5 tahun.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Program Ternakan Secara Perladangan Kontrak dapat dilaksanakan secara berkesan dan mencapai matlamat untuk meningkatkan pendapatan peserta di atas paras garis kemiskinan, adalah disyorkan Korporasi Pembangunan Desa mengkaji semula kriteria pemilihan peserta bagi menjamin keberhasilan projek serta kedudukan tunggakan kredit input ladang yang melebihi lima tahun dengan amaun kurang daripada RM100 yang mana penternak tidak lagi menjalankan projek tersebut.

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

3. PENYENGGARAAN MASJID, SURAU DAN SEKOLAH AGAMA

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) bertanggungjawab untuk menyenggara masjid, surau dan sekolah agama dan menyediakan bangunan sekolah agama peringkat rendah dan menengah. Objektif penyenggaraan ialah untuk memastikan masjid, surau dan sekolah agama berada dalam keadaan yang baik.

3.1.2. Setakat tahun 2014, JHEAINS bertanggungjawab menyenggara 1,012 masjid, 973 surau, 103 Sekolah Agama Negeri (SAN) dan 6 Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) miliknya di 6 Bahagian seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Bilangan Masjid, Surau dan Sekolah Agama Di Negeri Sabah

Bil.	Bahagian	Masjid	Surau	Sekolah Agama Negeri (SAN)	Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN)
1.	Pantai Barat Selatan (Kota Kinabalu, Papar, Penampang, Putatan, Tuaran)	100	200	23	2
2.	Pantai Barat Utara (Kudat, Banggi, Pitas, Kota Marudu, Kota Belud, Ranau, Matunggong)	213	247	17	0
3.	Sandakan (Sandakan,Kinabatangan,Beluran,Telupid,Tongod)	149	123	10	0
4.	Tawau (Tawau, Lahad Datu, Semporna, Kunak, Tungku)	386	224	8	1
5.	Pedalaman Atas (Keningau, Tenom, Sook, Nabawan, Tambunan).	65	88	12	2
6.	Pedalaman Bawah (Beaufort,Membakut,Sipitang,Kuala Penyu, Menumbok)	99	91	33	1
Jumlah Keseluruhan		1,012	973	103	6

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

3.1.3. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, JHEAINS telah membelanjakan sejumlah RM52.9 juta atau 82.6% daripada peruntukan sejumlah RM64.2 juta yang diterima daripada Kerajaan Negeri Sabah bagi penyenggaraan masjid, surau dan sekolah agama.

3.1.4. JHEAINS melaksanakan penyenggaraan masjid, surau dan sekolah agama melalui kaedah perolehan secara sebut harga dan rundingan terus. Bagi tempoh 2012 hingga 2014, sebanyak 89 sebut harga dan 61 rundingan terus telah ditawarkan oleh JHEAINS.

3.1.5. Penyenggaraan masjid, surau dan sekolah agama adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Pembangunan. Bahagian ini bertanggungjawab menyelaras hal ehwal projek

pembangunan JHEAINS dan melaporkan status pelaksanaan projek dari segi fizikal dan kewangan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri (SKN), Jabatan Ketua Menteri (JKM), Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Bahagian ini diketuai oleh seorang Jurutera Gred J48 dan dibantu oleh 6 orang kakitangan dari gred N1 hingga J29.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Untuk menilai sama ada penyenggaraan masjid, surau dan sekolah agama di Negeri Sabah telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.3.1. Skop pengauditan meliputi kerja penyenggaraan masjid, surau dan sekolah agama yang diselia oleh Bahagian Pembangunan bagi tempoh 2012 hingga 2014. Pengauditan telah dilaksanakan di Ibu Pejabat JHEAINS dan lawatan Audit telah dilakukan ke Bahagian Tawau (Tawau, Lahad Datu, Semporna, Kunak, Tungku), Bahagian Pantai Barat Utara (Kudat, Banggi, Pitas, Kota Marudu, Kota Belud, Ranau, Matunggong) dan Bahagian Pedalaman Atas (Keningau, Tenom, Sook, Nabawan, Tambunan).

3.3.2. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, kertas kerja dan dokumen yang berkaitan di Ibu Pejabat. Lawatan ke masjid, surau dan sekolah agama yang dipilih sebagai sampel Audit telah dilakukan. Selain itu, analisis maklumat yang diperolehi melalui soal selidik terhadap pengguna dan temu bual dengan pegawai yang terlibat dengan penyenggaraan masjid, surau dan sekolah agama turut dilakukan. *Exit Conference* bersama Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) telah diadakan pada 19 Januari 2015 dan turut dihadiri oleh Setiausaha Rendah, Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati prestasi perbelanjaan penyenggaraan JHEAINS adalah baik dan secara keseluruhannya kerja penyenggaraan masjid, surau dan sekolah agama telah dilaksanakan dengan memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang ditemui seperti berikut:

- Tatacara perolehan sebut harga tidak dipatuhi.
- Kerja dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi.
- Kerja-kerja kemasan tidak dilaksanakan dengan sempurna.

3.4.1. Prestasi Penyenggaraan

3.4.1.1. JHEAINS bertanggungjawab untuk memastikan masjid, surau dan sekolah agama miliknya berada dalam keadaan yang baik dan selamat digunakan. JHEAINS menetapkan sasaran penyenggaraan masjid, surau dan sekolah agama melalui Cadangan Pembangunan Di Bawah Peruntukan Vot S15 bagi permohonan bajet. Penyenggaraan dilaksanakan berdasarkan bajet yang diluluskan. Bagi tempoh 2012 hingga 2014, JHEAINS telah menetapkan sasaran penyenggaraan sebanyak masing-masing 30, 43 dan 11 dan telah melaksanakan penyenggaraan sebanyak masing-masing 28, 40 dan 10 buah masjid, surau dan sekolah agama seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Sasaran Dan Pencapaian Bilangan
Penyenggaraan Masjid, Surau Dan Sekolah Agama
Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Tahun	Sasaran	Pencapaian	Pencapaian
	(Bil.)	(Bil.)	(%)
2012	30	28	93.3
2013	43	40	93.0
2014	11	10	90.9
Jumlah	84	78	92.9

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

3.4.1.2. Berdasarkan **Jadual 3.2**, JHEAINS telah menyenggara 78 daripada 84 atau 92.9% masjid, surau dan sekolah agama yang disasarkan berjumlah RM52.9 juta bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014.

Pada pendapat Audit, pencapaian penyenggaraan adalah sangat baik kerana mencapai 92.9% sasaran yang ditetapkan.

3.4.2. Tatacara Perolehan Sebut Harga Tidak Dipatuhi

3.4.2.1. Mengikut tatacara perolehan Kementerian Kewangan Negeri, had nilai bagi pembelian terus adalah tidak melebihi RM20,000. Bagi sebut harga, had nilai perolehan adalah melebihi RM20,000 tapi di bawah RM250,000. Kecuali jika mendapat kelulusan Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan Negeri Sabah selaku Pegawai Kewangan Negeri, tender mestilah dipelawa bagi perolehan yang melebihi RM250,000. Permohonan bagi perolehan secara rundingan terus hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

3.4.2.2. Semakan Audit mendapati, penyenggaraan masjid, surau dan sekolah agama telah dilaksanakan melalui kaedah sebut harga serta rundingan terus dan tiada yang dilaksanakan secara tender. Berdasarkan temu bual dengan pegawai berkaitan, pelawaan bertulis untuk menyertai sebut harga dibuat kepada syarikat yang pernah menjalankan kerja di JHEAINS. Syarikat yang dipelawa perlu menghantar sebut harga

untuk dinilai oleh Jawatankuasa Sebut Harga yang akan memilih sebut harga terendah untuk ditawarkan kerja.

3.4.2.3. Bagi tempoh 2012 hingga 2014, berdasarkan surat tawaran kerja yang dikemukakan, JHEAINS telah mempelawa 89 sebut harga dan 61 rundingan terus.

3.4.2.4. Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bilangan 18 Tahun 2009 Mengenai Perubahan Had Nilai Dan Tatacara Pengurusan Perolehan Secara Sebut Harga telah menetapkan 10 peraturan perolehan secara sebut harga. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 30 daripada 89 sebut harga yang dipelawa untuk menentukan sama ada JHEAINS mematuhi tatacara sebut harga yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati kesemua 30 sampel tersebut hanya mematuhi 2 daripada 10 tatacara berkaitan perolehan secara sebut harga bagi kerja seperti di **Jadual 3.3**. Manakala keterangan lanjut berhubung ketidakpatuhan peraturan adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.3
Pematuhan Peraturan Sebut Harga

Bil.	Tajuk Kerja	Peraturan Sebut Harga									
		i	ii	iii	iv	v	vi	vii	viii	ix	x
1.	Cadangan Kerja-Kerja Membina Bangunan Rumah Guru Di SAN Sg. Pukul, Pulau Sebatik.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
2.	Cadangan Kerja-Kerja Membina Baru Pusat Kegiatan Masyarakat Islam Kg. Sg. Tongkang Pulau Sebatik.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
3.	Cadangan Kerja-kerja Membina Surau Baru Di Kg. Lahat-Lahat, Pulau Sebatik.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
4.	Cadangan Kerja-Kerja Mereka bentuk Dan Meroboh Masjid Lama Dan Membina Semula Masjid Baru Di Kg. Bergosong, Pulau Sebatik, Tawau.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
5.	Cadangan Kerja-Kerja Tambahan Untuk Masjid Di Kg. Bergosong, Pulau Sebatik,Tawau.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
6.	Cadangan Kerja-Kerja Meroboh Dan Membina Semula Surau (30' X 30') Di Kg. Bumiputera Batu 38 Jalan Tawau – Kunak.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
7.	Cadangan Kerja-Kerja Membina Tempat Berwuduk Dan Kerja-Kerja Berkaitan Masjid Kg. Lung Pias, Lahad Datu.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
8.	Cadangan Kerja-Kerja Mereka bentuk Dan Merobohkan Bangunan Lama Dan Membina Semula SAN Kg. Tabanak, Lahad Datu.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
9.	Cadangan Kerja Mereka bentuk Dan Membina Masjid Baru Daerah Kecil Tungku Lahad Datu.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
10.	Cadangan Kerja-Kerja Membina Baru Surau Kg. Seri Derian Tungku Lahad Datu.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
11.	Kerja-kerja Membaik pulih Bangunan Dan Kerja Berkaitan di SAN Kunak.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
12.	Masjid Nurul Huda Kuala Tomani, Tenom.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
13.	Rumah Anak Yatim, Tambunan.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
14.	Sekolah Ugama Islam Rumah Anak Yatim, Tambunan.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
15.	Surau An-Nur, Kg. Bandukan Baru.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
16.	Cadangan Kerja-Kerja Merobohkan Bangunan Surau Lama Dan Membina Semula Surau Baru Di Kg. Ansip, Keningau.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x

Bil.	Tajuk Kerja	Peraturan Sebut Harga									
		i	ii	iii	iv	v	vi	vii	viii	ix	x
17.	Cadangan Kerja-Kerja Meroboh Dan Membina Semula Surau Baru Di Kg. Mempakat, Pitas.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
18.	Cadangan Kerja-Kerja Membina surau Baru Di Kg. Payas-Payas, Kota Belud.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
19.	Cadangan Kerja-Kerja Tambahan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Surau Kg. Tanah Merah, Keningau.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
20.	Cadangan Kerja-Kerja Membina Surau Baru Di Kg. Libang, Tambunan.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
21.	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sekolah Agama Negeri (SAN) Pantai Emas, Kota Belud.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
22.	Cadangan Kerja-Kerja Pembinaan Tandas Pelajar Dan Guru Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di SAN Tuaran.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
23.	Cadangan Kerja-Kerja Membina Surau Kg. Minihas, Ranau.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
24.	Cadangan Kerja-Kerja Membina surau Kg. Lingkudau, Ranau.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
25.	Cadangan Kerja-Kerja Membina Surau Kg. Manar, Lahad Datu.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
26.	Cadangan Kerja-Kerja Membina Surau Baru Di Taman Seri Indah, Menggatal.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
27.	Cadangan Kerja-Kerja Meroboh Dan Membina Semula Surau Baru Di Kg. Langkau, Ranau.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
28.	Cadangan Kerja-Kerja Membina Surau Baru Di Kg. Mesilau, Ranau.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
29.	Cadangan Kerja-Kerja Membina Semula Surau Kg. Jangkat, Kuala Penyu.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x
30.	Cadangan Kerja-Kerja Membina Semula Surau Kg. Mempakul, Menumbok.	✓	x	x	x	x	x	x	x	✓	x

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

✓ Mematuhi x Tidak Mematuhi

Nota:

i.	Had Nilai Sebut Harga	v.	Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga Kerja	ix.	Pertimbangan Sebut Harga
ii.	Pelawaan Sebut Harga	vi.	Asas Penilaian Sebut Harga	x.	Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga
iii.	Penerimaan Sebut Harga	vii.	Penyediaan Kertas Taklimat Sebut Harga		
iv.	Penilaian Sebut Harga	viii.	Jawatankuasa Sebut Harga		

Jadual 3.4
Keterangan Ketidakpatuhan Terhadap Tatacara Sebut Harga

Bil.	Tatacara	Ketidakpatuhan
1.	Pelawaan Sebut Harga	<ul style="list-style-type: none"> Notis sebut harga tidak dipamerkan. Daftar edaran sebut harga tidak diselenggara. Borang sebut harga tidak diberi nombor siri. Syarat tawaran dikemukakan dalam sampul surat berlakri tidak dinyatakan. Sebut harga tidak diterima, dibuka dan dijadualkan sebagaimana tender mengikut Arah Perbendaharaan 195, 196 dan 197. Daftar penjualan dokumen sebut harga tidak diselenggara.
2.	Penerimaan Sebut Harga	<ul style="list-style-type: none"> Peti tawaran tidak dilabelkan. Peti tawaran tidak dikunci dengan 2 kunci berbeza dan anak kunci tidak dipegang oleh dua orang pegawai kanan. Tidak menyediakan anggaran harga jabatan.
3.	Penilaian Sebut Harga	<ul style="list-style-type: none"> Tidak dikaji dan dinilai sebelum syor dibuat kepada Jawatankuasa Sebut Harga.

Bil.	Tatacara	Ketidakpatuhan
		<ul style="list-style-type: none"> Jangka masa siap, kadar harga, kekerapan perkhidmatan, kawasan pelaksanaan, kos penyelenggaraan untuk tempoh tertentu dan sebagainya tidak diambil kira. Nasihat daripada Jabatan Teknik seperti JKR dan JPS atau Agensi yang seumpamanya tidak diperoleh.
4.	Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga Kerja	<ul style="list-style-type: none"> Tidak diwujudkan
5.	Asas Penilaian Sebut harga	<ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga tidak dilantik secara bertulis.
6.	Penyediaan Kertas Taklimat Sebut Harga	<ul style="list-style-type: none"> Kertas Taklimat Sebut Harga tidak disediakan.
7.	Jawatankuasa Sebut Harga	<ul style="list-style-type: none"> Ahli Jawatankuasa tidak dilantik secara bertulis. Pemegang Waran Peruntukan tidak dilantik secara bertulis daripada Pegawai Pengawal. Seorang pegawai teknikal tidak dilantik menjadi ahli jawatankuasa sebut harga.
8.	Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga	<ul style="list-style-type: none"> Pesanan kerajaan/inden kerja tidak dikeluarkan kepada pembekal/kontraktor berjaya. Dokumen sebut harga tidak disertakan bersama pesanan tempatan/inden kerja. Keputusan muktamad Jawatankuasa Sebut Harga tidak dipamerkan.

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

3.4.2.5. Keadaan ini disebabkan pihak yang mengurus perolehan kurang peka berkaitan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bilangan 18 Tahun 2009, Perubahan Had Nilai Dan Tatacara Pengurusan Perolehan Secara Sebut Harga. Oleh itu, tidak dapat disahkan proses pemilihan telah diuruskan dengan telus, saingen terbuka serta adil dan saksama dan seterusnya mendapat *value for money*. **Berdasarkan maklum balas pada 19 Januari 2015, setelah mendapat teguran Audit, pihak JHEAINS memaklumkan telah mengambil tindakan untuk mematuhi semua peraturan berkaitan perolehan. Selain itu, dimaklumkan perolehan secara rundingan terus telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah.**

Pada pendapat Audit, pengurusan tatacara perolehan sebut harga penyenggaraan masjid, surau dan sekolah agama adalah tidak memuaskan dan perlu ditingkatkan dengan mematuhi kesemua 10 tatacara sebut harga agar integriti proses perolehan tidak dipertikaikan.

3.4.3. Kerja Dilaksanakan Tidak Mengikut Spesifikasi

3.4.3.1. Kerja penyenggaraan hendaklah disiapkan mengikut spesifikasi kontrak. Pembayaran dibuat berdasarkan kerja-kerja yang telah dilaksanakan dan mematuhi spesifikasi ditetapkan.

3.4.3.2. Pihak Audit telah memilih 20 sampel projek untuk mengesahkan sama ada kerja-kerja yang dilakukan mengikut spesifikasi yang terdapat dalam Senarai Kuantiti. Lawatan Audit telah dilakukan di Bahagian Tawau (Tawau, Lahad Datu, Semporna, Kunak, Tungku) pada 22 hingga 24 September 2014, Pedalaman Atas (Keningau, Tenom, Sook,

Nabawan, Tambunan) pada 11 hingga 12 Disember 2014 dan Pantai Barat Utara (Kudat, Banggi, Pitas, Kota Marudu, Kota Belud, Ranau, Matunggong) pada 11 hingga 12 Disember 2014. Pihak Audit mendapati, 5 daripada 20 projek telah dilaksanakan dengan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Semakan selanjutnya mendapati, bayaran projek-projek tersebut telah dibuat kepada kontraktor terlibat. Bagaimanapun, bon pelaksanaan atau wang tahanan masih belum dilepaskan oleh pihak JHEAINS sehingga ke tarikh pengauditan. Setelah mendapat teguran Audit pihak JHEAINS telah mengarahkan kontraktor terbabit memperbaiki keadaan yang dibangkitkan. Butiran kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Kerja Dilaksanakan Tidak Mengikut Spesifikasi Dan Kurang Sempurna
Bagi 5 Projek Yang Dilawati

Bil.	Projek	Senarai Kuantiti/Nilai (RM)	Keadaan Fizikal	Tindakan
1.	Cadangan Kerja-Kerja Membina Bangunan Rumah Guru Di SAN Sg. Pukul, Pulau Sebatik.	E.1500mm (60") dia. Ceiling sweep fan c/w speed regulator and M.S metal hook RM2,000	1 daripada 2 dipasang di ruang tamu seperti di Gambar 3.1 .	Kipas tersebut telah dipasang di bilik tidur seperti di Gambar 3.2 .
2.	Cadangan Kerja-kerja Meroboh Dan Membina Semula Surau (30' x 30') Di Kampung Bumiputera Batu 38 Jalan Tawau-Kunak.	<i>ELEVATED WATER TANK Supply, installation and commissioning of complete water tank with capacity 400 gallon including with concrete foundation and G.I structure and chequrete plate.</i> RM1,200	Struktur dibuat daripada kayu, concrete foundation dan chequrete plate tidak dibina seperti di Gambar 3.3 .	Kerja membina semula struktur daripada <i>concrete foundation, G.I structure and chequrete plate</i> sedang dibina seperti di Gambar 3.4 .
3.	Cadangan Kerja-kerja Tambahan Untuk Masjid Baru Kg. Bergosong, Pulau Sebatik ,Tawau.	2.5 DOORS A. Single leaf solid timber doors complete with frame, iron mongeries and painting. RM2,850	Pintu PVC dipasang seperti di Gambar 3.5 .	<i>Single leaf solid timber doors</i> telah dipasang seperti di Gambar 3.6 .
4.	Cadangan Kerja-kerja Membina Baru Pusat Kegiatan Masyarakat Islam Kg. Sg. Tongkang, Pulau Sebatik, Tawau.	f. Bekal dan pasang sebuah tangki HDPE 400 gelen. RM2,500	Tangki HDPE 200 gelen dibekal dan dipasang.	JHEAINS telah mengeluarkan surat bertarikh 1 Oktober 2014 kepada kontraktor untuk membekal dan memasang tangki berkenaan.
5.	Cadangan Kerja-kerja Membina Surau Baru Di Kg. Lahat-lahat, Pulau Sebatik.	<i>ROMAN PILLARS Supply and install roman pillars near corridor area accordance with the manufacturer's instructions</i> RM2,500	Tiang konkrit dibina seperti di Gambar 3.9 .	JHEAINS telah mengeluarkan Arahan Perubahan Kerja (APK) dan Pelarasian Harga Kontrak dengan mengubah pembinaan <i>roman pillars</i> kepada penimbusan tanah di sekitar surau.

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Gambar 3.1
1 Daripada 2 Kipas Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sg Pukul, Pulau Sebatik
Tarikh: 23 September 2014

Gambar 3.3
**Struktur Kayu, Concrete Foundation
Dan Chequrete Plate Dibina**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Bumiputera
Batu 38 Jalan Tawau-Kunak
Tarikh: 24 September 2014

Gambar 3.5
Pintu PVC Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg Bergosong,
Pulau Sebatik, Tawau
Tarikh: 22 September 2014

Gambar 3.2
Kipas Telah Dipasang Di Bilik Tidur



Sumber: JHEAINS
Lokasi: Sg Pukul, Pulau Sebatik
Tarikh: 5 Oktober 2014

Gambar 3.4
**Struktur Daripada Concrete Foundation,
G.I Structure Dan Chequrete Plate
Sedang Dibina**



Sumber: JHEAINS
Lokasi: Kampung Bumiputera
Batu 38 Jalan Tawau-Kunak
Tarikh: 5 Oktober 2014

Gambar 3.6
Single Leaf Solid Timber Doors Dipasang



Sumber: JHEAINS
Lokasi: Kg Bergosong,
Pulau Sebatik, Tawau
Tarikh: 6 April 2015

Gambar 3.7
6 Way Distribution Board
Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg Bergosong,
Pulau Sebatik, Tawau
Tarikh: 22 September 2014

Gambar 3.8
15 Way Distribution Board
Telah Dipasang



Sumber: JHEAINS
Lokasi: Kg Bergosong,
Pulau Sebatik, Tawau
Tarikh: 6 April 2015



Gambar 3.9
Tiang Konkrit Bukan Roman
Pillars Dibina

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg Lahat-lahat, Pulau Sebatik
Tarikh: 23 September 2014

3.4.3.3. Perkara ini berlaku disebabkan oleh pemeriksaan tidak menyeluruh oleh pihak JHEAINS sebelum kerja disahkan siap dan pembayaran dibuat. Keadaan ini boleh menyebabkan kerugian kepada pihak Kerajaan kerana pembayaran telah dibuat ke atas kerja yang dilaksanakan tanpa mengikut spesifikasi ditetapkan. **Berdasarkan maklum balas pada 19 Januari 2015, pihak JHEAINS telah mengeluarkan surat arahan kepada kontraktor untuk mengambil tindakan sewajarnya selepas lawatan Audit. Selain itu, terdapat Arahan Perubahan Kerja bagi perkara yang dibangkitkan dan kos telah diselaraskan. Bagi mengelakkan perkara ini berulang, bermula tahun 2015 pejabat cawangan JHAEINS diarahkan untuk membantu dan memeriksa kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor.**

Pada pendapat Audit, pada keseluruhan kerja-kerja penyenggaraan oleh kontraktor adalah memuaskan. Bagaimanapun, perkara yang dibangkitkan perlu diambil perhatian serius dengan memantapkan proses pemeriksaan oleh pihak JHEAINS sebelum sijil siap kerja dikeluarkan dan pembayaran dibuat.

3.4.4. Kerja-kerja Kemasan Tidak Dilaksanakan Dengan Sempurna

3.4.4.1. Selain itu pemeriksaan Audit juga mendapati kerja-kerja kemasan bagi 9 daripada 20 projek tidak dilaksanakan dengan sempurna menyebabkan berlakunya cat menggelupas, resapan air di siling dan keretakan dinding. Selepas mendapat teguran Audit pihak JHEAINS telah mengarahkan kontraktor mengambil tindakan membaiki kemasan kerja yang dibangkitkan. Butiran lanjut kerja-kerja kemasan yang tidak dilaksanakan dengan sempurna adalah seperti di Jadual 3.6.

Jadual 3.6
Kerja-kerja Kemasan Tidak Dilaksanakan Dengan Sempurna

Bil.	Tajuk Projek	Keadaan Fizikal	Tindakan JHEAINS
1.	Cadangan Kerja-Kerja Membina Bangunan Rumah Guru Di SAN Sg. Pukul, Pulau Sebatik.	Pintu tandas tidak rapat ke lantai, kerja mengecat tidak kemas, kerja lepaan simen lantai tidak kemas.	JHEAINS melalui surat bertarikh 1 Oktober 2014 telah mengarahkan kontraktor membaiki kerja yang tidak sempurna.
2.	Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Surau (30' x 30') Di Kampung Bumiputera Batu 38 Jalan Tawau-Kunak.	<i>Angle bar</i> tidak dicat, <i>plaster ceiling</i> tertanggal, base pagar tidak rata, cat pudar seperti di Gambar 3.10 .	JHEAINS melalui surat bertarikh 1 Oktober 2014 telah mengarahkan kontraktor membaiki kerja yang tidak sempurna. <i>Angle bar</i> seperti di Gambar 3.11 dan dinding telah dicat.
3.	Cadangan Kerja-kerja Tambahan Untuk Masjid Baru Kg. Bergosong, Pulau Sebatik,Tawau	<i>Septic tank</i> tiada penutup, penutup suis tidak dipasang, tiada <i>undercoat</i> seperti di Gambar 3.12 .	JHEAINS melalui surat bertarikh 1 Oktober 2014 telah mengarahkan kontraktor membaiki kerja yang tidak sempurna. Penutup suis telah dipasang seperti di Gambar 3.13 .
4.	Cadangan Kerja-kerja Membina Baru Pusat Kegiatan Masyarakat Islam Kg. Sg. Tongkang Pulau Sebatik Tawau.	Lantai retak, penyambungan wayar tidak sempurna.	JHEAINS melalui surat bertarikh 1 Oktober 2014 telah mengarahkan kontraktor membaiki kerja yang tidak sempurna.
5.	Cadangan Kerja-Kerja Membina Baru Surau Kg. Sri Derian Tungku, Lahad Datu.	Cat menggelupas dan tidak kemas.	JHEAINS melalui surat bertarikh 1 Oktober 2014 telah mengarahkan kontraktor membaiki kerja yang tidak sempurna.
6.	Cadangan Kerja-kerja Membaik pulih Masjid Al-Hidayah Tandek, Kota Marudu.	Siling tidak dicat dengan kemas.	JHEAINS melalui surat bertarikh 15 Disember 2014 telah mengarahkan kontraktor membaiki kerja yang tidak sempurna.
7.	Cadangan Kerja-kerja Merobohkan Surau Lama Dan Membina Semula Surau Baru, Kg Bandukan Baru,Keningau.	Cat di dinding pudar.	JHEAINS melalui surat bertarikh 15 Disember 2014 telah mengarahkan kontraktor membaiki kerja yang tidak sempurna.
8.	Cadangan Kerja-kerja Merobohkan Surau Lama Dan Membina Semula Surau Baru, Kg Langkon, Kota Marudu.	<i>Site clearance</i> tidak dilaksanakan,pintu tidak rapat ke lantai.	JHEAINS melalui surat bertarikh 15 Disember 2014 telah mengarahkan kontraktor membaiki kerja yang tidak sempurna.
9.	Cadangan Kerja-kerja Merobohkan Surau Lama Dan Membina Semula Surau Baru, Kg. Kawang-kawang,Kota Belud.	Tiada <i>undercoat</i> dan <i>angle bar</i> tidak dicat seperti di Gambar 3.14 dan Gambar 3.16 .	JHEAINS melalui surat bertarikh 15 Disember 2014 telah mengarahkan kontraktor membaiki kerja yang tidak sempurna seperti di Gambar 3.15 dan Gambar 3.17 .

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Gambar 3.10
Angle Bar Tidak Dicat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Bumiputera Batu 38
Tarikh: 24 September 2014

Gambar 3.11
Angle Bar Telah Dicat



Sumber: JHEAINS
Lokasi: Kampung Bumiputera Batu 38
Tarikh: 5 Oktober 2014

Gambar 3.12
Penutup Suis Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Bergosong, Pulau Sebatik
Tarikh: 22 September 2014

Gambar 3.13
Penutup Suis Telah Dipasang



Sumber: JHEAINS
Lokasi: Kg. Bergosong, Pulau Sebatik
Tarikh: 5 Oktober 2014

Gambar 3.14
Tiada Undercoat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kawang-kawang, Kota Belud
Tarikh: 12 Disember 2014

Gambar 3.15
Telah Dicat Undercoat



Sumber: JHEAINS
Lokasi: Kg. Kawang-kawang, Kota Belud
Tarikh: 8 April 2015

Gambar 3.16
Angle Bar Tidak Dicat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kawang-kawang, Kota Belud
Tarikh: 12 Disember 2014

Gambar 3.17
Angle Bar Telah Dicat



Sumber: JHEAINS
Lokasi: Kg. Kawang-kawang, Kota Belud
Tarikh: 8 April 2015

3.4.4.2. Perkara ini berlaku disebabkan JHEAINS hanya mempunyai 2 orang pegawai teknikal yang dipertanggungjawabkan untuk memantau kerja-kerja yang dilaksanakan di seluruh Negeri Sabah. Kesannya, pemantauan menyeluruh tidak dapat dilakukan dan menjelaskan kualiti kerja yang disahkan. **Berdasarkan maklum balas pada 19 Januari 2015, JHEAINS masih belum melepaskan bon pelaksanaan. Bon pelaksanaan hanya akan dilepaskan setelah semua kecacatan diperbaiki. Selepas lawatan bersama pihak Audit, tindakan pembaikan telah dijalankan oleh kontraktor yang yang sama. JHEAINS telah memohon pertambahan kakitangan teknikal kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah pada tahun 2014. Selain itu, JHEAINS telah meminta pegawai JHEAINS di daerah untuk membantu memantau pelaksanaan projek.**

Pada pendapat Audit, pada keseluruhan kerja-kerja kemasan penyenggaraan oleh kontraktor adalah memuaskan. Oleh itu, pemantauan dan pemeriksaan oleh pegawai pemeriksa JHEAINS perlu dipertingkatkan semasa kerja-kerja penyenggaraan dilaksanakan untuk menjamin kualiti.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan penyenggaraan masjid, surau dan sekolah agama dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan, adalah disyorkan JHEAINS mengambil langkah berikut:

3.5.1. Mematuhi sepenuhnya tatacara pengurusan perolehan yang ditetapkan.

3.5.2. Membuat pemeriksaan dan pemantauan dengan teliti terhadap kerja-kerja kontraktor bagi mengelakkan pembayaran dibuat terhadap kerja tidak mengikut spesifikasi dan sempurna.

3.5.3. Merancang dan melaksanakan program penyenggaraan secara pencegahan dan berjadual bagi mengelakkan kerosakan yang lebih serius serta melantik arkitek dan juruukur bahan jika keadaan kewangan mengizinkan bagi mempercepatkan proses pelaksanaan penyenggaraan, penggantian atau naik taraf.

JABATAN AIR NEGERI SABAH

4. PERKHIDMATAN PENGURUSAN LOJI RAWATAN AIR SECARA OUTSOURCE

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) telah memulakan Perkhidmatan Pengurusan Loji Rawatan Air (LRA) Secara *Outsource* pada tahun 2009 di Loji Rawatan Air Segaliud, Sandakan. Selain daripada LRA yang sedia ada, LRA baru dibina bagi mencapai matlamat untuk menyediakan air bersih kepada penduduk Negeri Sabah dengan lebih meluas. Perkhidmatan secara *outsource* digunakan bagi mengatasi masalah kekurangan kakitangan yang berlaku di Jabatan Air Negeri Sabah (JANS). Perkara ini berlaku disebabkan Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah mengarahkan selepas 31 Januari 2007, JANS tidak dibenarkan membuat pengambilan kakitangan secara lantikan tetap kecuali melalui lantikan kontrak sahaja. Keperluan pengguna untuk mendapatkan air terawat telah mendesak Kerajaan menyediakan loji-loji rawatan air yang beroperasi meskipun faktor tenaga kerja JANS adalah tidak mencukupi untuk mengendalikan pengurusan loji rawatan air. Fungsi perkhidmatan secara *outsource* selain menjalankan operasi loji air adalah menyenggara bangunan, fasiliti, dam, muka sauk, paip dan lain-lain berkaitan; membeli bahan kimia untuk merawat air; dan membekalkan air terawat yang mematuhi standard Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta memenuhi permintaan JANS. Sebanyak 44 atau 54% daripada 81 buah loji rawatan air (LRA) yang terdapat di Negeri Sabah dikendalikan oleh perkhidmatan secara *outsource* melibatkan 4 buah syarikat dilantik seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Bilangan LRA Di Negeri Sabah Sehingga Disember 2014

Bil.	Pengendali LRA	Bilangan LRA (Buah)	Peratus (%)
1.	Jabatan Air	22	27
2.	<i>Outsource</i>	44	54
3.	Konsesi	15	19
Jumlah		81	100

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.1.2. Pada tahun 2012 hingga 2014, JANS telah membelanjakan sejumlah RM289.55 juta atau 90.5% daripada peruntukan RM319.87 juta untuk operasi LRA. Butiran peruntukan dan perbelanjaan untuk tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Peruntukan Dan Perbelanjaan Perkhidmatan Pengurusan Loji Secara *Outsource* Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Butiran Perbelanjaan		
	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Perbelanjaan (%)
2012	71,319,815	71,319,815	100
2013	91,624,129	91,624,129	100
2014	156,930,404	126,603,285	80.7
Jumlah (RM)	319,874,348	289,547,229	90.5

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Perkhidmatan Pengurusan Loji Rawatan Air Secara *Outsource* telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan terhadap Perkhidmatan Pengurusan Loji Rawatan Air Secara *Outsource* meliputi tahun 2012 hingga 2014 di Ibu Pejabat JANS, JANS Daerah Penampang, JANS Daerah Sandakan, JANS Daerah Tawau dan JANS Daerah Kota Belud. Lawatan Audit telah dibuat di 5 LRA yang diuruskan secara *outsource* seperti di **Jadual 4.3**. Semakan Audit telah dibuat terhadap rekod, dokumen, penyata dan laporan yang dihasilkan. Temu bual juga diadakan dengan Pegawai JANS yang terlibat dan mendapatkan nasihat teknikal daripada pegawai kejuruteraan dari Bahagian Pengauditan Air, Jabatan Audit Negara Malaysia. *Exit Conference* bersama Pengarah JANS telah diadakan pada 31 Mac 2015 yang turut dihadiri oleh wakil Kementerian Pembangunan Infrastruktur, Kementerian Kewangan, Jabatan Alam Sekitar, Penasihat Undang-undang dan kontraktor LRA.

**Jadual 4.3
Senarai LRA Yang Dilawati**

Bil.	Loji Rawatan Air	JANS Daerah	Syarikat Yang Dilantik	Kapasiti Pengeluaran Sehari (Juta Liter)
1.	Telibong 2, Tuaran	Penampang	Yuda Water Sdn. Bhd	96
2.	Kogopon, Papar	Penampang	Akal Kukuh Sdn. Bhd	40
3.	Segaliud, Sandakan	Sandakan	Arawira Sdn. Bhd	125
4.	Apas I & II Balung, Tawau	Tawau	Akal Kukuh Sdn. Bhd	20
5.	Bayayat, Kota Belud	Kota Belud	Sahabat Megajuta Sdn. Bhd	15

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September 2014 hingga Disember 2014 mendapati, Perkhidmatan Pengurusan Loji Rawatan Air Secara *Outsource* adalah baik kerana kuantiti pengeluaran air terawat telah meningkat dan memenuhi keperluan pengguna setiap tahun. Sebanyak 97.9% daripada sampel air yang diuji telah mematuhi standard yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan Perkhidmatan Pengurusan Loji Rawatan Air Secara *Outsource* yang memerlukan perhatian seperti berikut:

- Peralatan yang rosak tidak dibaiki.
- Pelupusan peralatan, bahan kimia dan enapcemar tidak dibuat.
- Pegawai kimia tidak mencukupi untuk memantau semua LRA yang dikendalikan oleh kontraktor.

4.4.1. Prestasi Pengeluaran Air Terawat

Objektif utama Perkhidmatan Pengurusan Loji Rawatan Air Secara Outsource adalah membekalkan air terawat yang mematuhi kuantiti dan kualiti yang ditetapkan kepada pelanggan.

4.4.1.1. Prestasi Kuantiti Pengeluaran Air Terawat

- a. Kontrak Perjanjian antara Kerajaan Negeri Sabah dengan syarikat yang dilantik menjalankan operasi di loji rawatan air, Perkara 2.1 *Object Of The Parties* menyatakan "*It is hereby understood that the main object of the parties here to shall be to fulfill and realize the objectives and aims of the Government to meet the demand in the water supply by the consumers in the district*".
- b. Pegawai yang bertanggungjawab memaklumkan jumlah pengeluaran air terawat di setiap loji ditentukan oleh Jurutera Air Daerah setelah mengambil kira keperluan pengguna di kawasan terlibat. Semakan Audit mendapati, tiada sasaran ditetapkan bagi pengeluaran air setahun kerana ianya bergantung kepada keperluan semasa. Prestasi pengeluaran air terawat bagi 5 LRA yang dilawat bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Prestasi Pengeluaran Air Terawat Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	LRA	Jumlah Pengeluaran Air Terawat (m^3)			Jumlah Pengeluaran (m^3)
		2012	2013	2014	
1.	Telibong II, Tuaran	31,511,568	29,422,512	31,036,360	91,970,440
2.	Kogopon, Papar	7,079,323	12,664,587	13,115,772	32,859,682
3.	Segaliud, Sandakan	18,890,028	20,617,397	23,418,062	62,925,487
4.	Apas Balung I dan II, Tawau	-	3,404,368	5,226,234	8,630,602
5.	Bayayat, Kota Belud	-	2,207,477	5,042,110	7,249,587
Jumlah		57,480,919	68,316,341	77,838,538	203,635,798

Sumber: Jabatan Audit Negara dan Kontraktor

Nota: LRA Apas Balung I dan II, Tawau dan LRA Bayayat, Kota Belud diambil alih pada tahun 2013

- c. Analisis Audit terhadap **Jadual 4.4** mendapati jumlah pengeluaran air terawat bagi 5 LRA pada tahun 2014 meningkat sebanyak 13.94% atau $9,522,197 m^3$ berbanding $68,316,341 m^3$ pada tahun 2013. Jumlah pengeluaran air terawat bagi 5 LRA yang dilawat bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah sebanyak $203,635,798 m^3$. Analisis jumlah pengeluaran air terawat di setiap LRA mendapati hanya LRA Telibong II mencatatkan penurunan pengeluaran pada 2013 iaitu sebanyak 6.63% atau $2,089,056 m^3$ berbanding 2012. Kenaikan atau perubahan dalam pengeluaran air adalah bergantung kepada keperluan semasa di kawasan berkenaan. **Maklum balas daripada JANS bertarikh 31 Mac 2015 menyatakan, sasaran kuantiti pengeluaran air terawat adalah mengikut keperluan semasa dan prestasi kontraktor yang dilantik sentiasa dipantau oleh JANS.**

4.4.1.2. Prestasi Kualiti Pengeluaran Air Terawat

- a. Mengikut kontrak perjanjian perkara 3.2 Scope Of Works: *The Contractor shall during the term of this Agreement, carry out the following:- (b) The treatment of Raw Water to comply with the standards as stipulated by the National Guidelines for Drinking Water Quality issued by Ministry of Health Malaysia.* Untuk memastikan air terawat mematuhi standard parameter yang ditetapkan, penyelia/pembantu makmal perlu melaksanakan ujian ke atas air terawat dan dipantau oleh Ahli Kimia yang dilantik. Jenis ujian dan standard parameter kualiti air terawat yang ditetapkan oleh *National Guidelines for Drinking Water Quality* adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Standard Parameter Kualiti Air Terawat

Bil.	Jenis Ujian Parameter Air Terawat	Standard Parameter
1.	Tahap pH	6.5-9.0
2.	Kekeruhan	< 5 NTU
3.	Klorin	0.2 – 2.0 mg/l
4.	Aluminium	≤ 0.2 mg/l
5.	Iron	0.3
6.	Manganese	0.1
7.	Warna	Hazen <5
8.	Flourida	0.5 – 0.7 mg/l

Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Pemeriksaan Audit mendapati ujian kualiti terhadap air terawat dijalankan setiap hari di LRA. Antara ujian mandatori kualiti air adalah ujian bagi menentukan tahap pH, kekeruhan, warna dan baki klorin di tangki air bersih. Prestasi pematuhan parameter kualiti air terawat di 5 buah LRA yang dilawat bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Prestasi Pematuhan Kualiti Air Terawat Bagi Tahun 2012 hingga 2014

Jenis Ujian	Bilangan Ujian					Mematuhi Standard Parameter	Peratus (%)
	2012	2013	2014	Jumlah			
pH	1,001	1,712	2,186	4,899	4,898	99.9	
Kekeruhan	1,001	1,712	2,186	4,899	4,839	98.8	
Klorin	1,001	1,712	2,186	4,899	4,430	90.4	
Aluminium	1,001	1,712	2,186	4,899	4,895	99.9	
Iron	360	641	892	1,893	1,893	100	
Manganese	360	641	892	1,893	1,869	98.7	
Warna	421	1,153	1,222	2,796	2,796	100	
Fluorida	-	36	340	376	376	100	
Jumlah	5,145	9,319	12,090	26,554	25,996	97.9	

Sumber: Jabatan Audit Negara dan Kontraktor

- c. Berdasarkan analisis terhadap prestasi pematuhan kualiti air terawat bagi tempoh 2012 hingga 2014 seperti jadual di atas, jumlah keseluruhan ujian di LRA pada tahun 2013 didapati telah meningkat sebanyak 81.1% atau 3,994 ujian berbanding tahun

2012 dan ujian pada 2014 berlaku peningkatan sebanyak 29.7% iaitu sebanyak 2,771 ujian berbanding tahun 2013. Peningkatan ini berlaku disebabkan 3 LRA yang dilawati diambil alih bermula tahun 2013.

- d. Analisis mendapati sepanjang tahun 2012 hingga 2014, sebanyak 26,554 ujian dibuat ke atas air terawat untuk menentukan pematuhan terhadap tahap pH, kekeruhan, klorin, aluminium, iron, manganese, warna dan fluorida. Hasil daripada ujian tersebut, didapati 97.90% atau 25,996 daripada 26,554 ujian dijalankan ke atas sampel air terawat mematuhi standard parameter yang ditetapkan.
- e. Ujian pematuhan air terawat ke atas kandungan fluorida mencatatkan jumlah ujian paling sedikit bagi tahun 2012 hingga 2014 iaitu sebanyak 376 ujian. Ini adalah kerana hanya LRA Bayayat, Kota Belud menggunakan fluorida sebagai salah satu bahan kimia untuk air terawat. Sedangkan LRA yang lain masih belum menggunakan fluorida dalam proses rawatan air. **Maklum balas daripada JANS bertarikh 31 Mac 2015 menyatakan, kualiti air yang dibekalkan sentiasa dipantau bagi mematuhi piawaian kualiti air minum yang ditetapkan. Selain itu, JANS memaklumkan pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia tidak dapat menyalurkan dana yang mencukupi untuk program pemfluoridaan di Sabah.**

Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran air terawat di 5 LRA yang dilawati adalah baik kerana mencatatkan peningkatan setiap tahun, begitu juga prestasi pematuhan kualiti air adalah baik kerana 98% daripada ujian yang dijalankan mematuhi standard parameter yang ditetapkan.

4.4.2. Pengurusan Aset

4.4.2.1. Aset Tidak Disenggara


- a. Mengikut kontrak perjanjian antara Kerajaan Negeri Sabah dengan syarikat yang dilantik menjalankan operasi di LRA, *Scope of works in the contract para 3.2 – The contractor shall during the term of this agreement, carry out the following:* (e) *The management and maintenance of building, facilities and equipment.* Selain itu, *Duties of the parties para 3.3.1 (vi) – the corrective maintenance shall be undertaken at the cost of the contractor up to the maximum value of RM5,000 only per corrective maintenance.*
- b. Lawatan Audit di 5 LRA untuk mengesahkan status penyenggaraan mendapati peralatan LRA untuk proses rawatan air, siren *alarm system*, alat pengesan kebocoran gas klorin, *online analyzer* yang tidak dibaiki seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Senarai Peralatan Yang Rosak Tidak Dibaiki

LRA	Peralatan Yang Rosak	Tindakan Yang Telah Diambil	Tarikh Laporan Kejadian	Catatan
Bayayat, Kota Belud	CL 17 Chlorine Analyser dan Turbid meter hash	Tiada	24.07.2013	Gambar 4.1
	Weight scale	Tiada	27.08.2013	Gambar 4.2
	Siren alarm system	Tiada	23.07.2013	Gambar 4.3
Kogopon, Papar	Alat Pengesan Kebocoran Klorin Rosak – 1 unit	Tiada	12.2.2014	-
Telibong II, Tuaran	Alat Pengesan Kebocoran Klorin Rosak – 7 unit	Dalam proses permohonan tambahan peruntukan dari JANS	2013	Gambar 4.4
Apas Balung I &II, Tawau	Meter Bacaan Air Mentah Dan Kekeruhan Air Mentah Rosak	Tiada	TM	Gambar 4.5

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 4.1
CL 17 Chlorine Analyser Dan Turbid Meter Hash Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Makmal LRA Bayayat,
Kota Belud
Tarikh: 9 Disember 2014

Gambar 4.2
Weight Scale Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Klorin LRA Bayayat,
Kota Belud
Tarikh: 9 Disember 2014

Gambar 4.3
Sistem Penggera Siren Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Klorin LRA Bayayat,
Kota Belud
Tarikh: 9 Disember 2014

Gambar 4.4
Alat Pengesan Kebocoran Klorin Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Klorin LRA Telibong II,
Tuaran
Tarikh: 30 September 2014

Gambar 4.5
Meter Bacaan Air Mentah Dan Kekeruhan Air Mentah Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: LRA Balung I & II, Tawau
Tarikh: 1 Disember 2014

- c. Penyenggaraan tidak dibuat ke atas peralatan yang rosak disebabkan dasar pembaikan yang dilaksanakan adalah mengikut keutamaan. Keadaan ini boleh menyebabkan kos pembaikan yang tinggi pada masa akan datang. **Maklum balas daripada JANS bertarikh 31 Mac 2015 menyatakan, peralatan yang rosak dalam proses penyenggaraan dan dijangkakan siap pada penghujung Julai 2015.**

Pada pendapat Audit, penyenggaraan yang dilaksanakan adalah kurang memuaskan kerana terdapat peralatan dan fasiliti yang rosak tidak dibaiki dengan segera.

4.4.2.2. Pelupusan

JANS bertanggungjawab melaksanakan pelupusan aset dan peralatan yang tidak boleh digunakan ataupun tidak ekonomik untuk dibaiki. Selain itu, mengikut kontrak perjanjian antara Kerajaan Negeri Sabah dengan syarikat yang dilantik menjalankan operasi di LRA, *Duties of the parties in the contract para 3.3.2 (iv) – the government have to pay for the cost of sludge disposal from the dam and sludge lagoon.*

- a. Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 157 unit peralatan yang telah rosak dan tidak boleh dibaiki tetapi masih belum dilupuskan seperti di **Jadual 4.8** dan **Gambar 4.6** hingga **Gambar 4.8**.

Jadual 4.8
Aset Rosak Belum Dilupuskan

Nama LRA	Jenis Peralatan	Kuantiti	Tarikh Laporan Kerosakan
Segaliud, Sandakan	Butterfly valve	8	TM
	Lead acid battery	70	
	Energy meter	18	
	Earth fault relay	2	
	Gearbox butterfly valve	8	
	Fire alarm battery	38	
Bayayat, Kota Belud	Bateri N120	5	TM
Kogopon, Papar	Motor	1	28.11.2008

Nama LRA	Jenis Peralatan	Kuantiti	Tarikh Laporan Kerosakan
	Valve	1	
	Raw Water Pump	1	
	Sand Pump	1	
	Printer	1	
	Forklift Carrier	1	
	Hose Reel	1	
	Water Pump	1	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 4.6
8 Unit Butterfly Valve Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pam Air Terawat LRA Segaliud,
Sandakan
Tarikh: 5 November 2014

Gambar 4.7
8 Unit Gearbox Butterfly Valve Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan LRA Segaliud,
Sandakan
Tarikh: 5 November 2014



Gambar 4.8
Energy Meter Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Stor LRA Segaliud, Sandakan
Tarikh: 5 November 2014

- b. Selain itu, sebanyak 145 bungkus *alum* dan 407 bungkus *lime*, 123 unit reagent dan 81 unit bahan kimia lain yang telah luput tempoh penggunaan masih disimpan dalam makmal dan bangunan kimia LRA. Ada bahan kimia tersebut telah luput tempoh penggunaan sejak tahun 2008. Contoh bahan kimia yang telah luput tempoh penggunaan adalah seperti **Gambar 4.9** hingga **Gambar 4.13**.

Gambar 4.9
317 Bungkus Alum Yang Telah Luput Masih Disimpan Sejak Pengambilalihan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Bahan Kimia LRA
Telibong II, Tuaran
Tarikh: 30 September 2014

Gambar 4.10
20 Jenis Reagent Yang Telah Luput Masih Disimpan Sejak Pengambilalihan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Makmal LRA Kogopon, Papar
Tarikh: 15 Oktober 2014

Gambar 4.11
21 Jenis Reagent Yang Telah Luput Masih Disimpan Sejak Pengambilalihan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Makmal LRA Segaliud,
Sandakan
Tarikh: 5 November 2014

Gambar 4.12
45 Bungkus Alum Yang Telah Luput Masih Disimpan Sejak Pengambilalihan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Kimikal LRA Bayayat,
Kota Belud
Tarikh: 10 Disember 2014



Gambar 4.13
407 Bungkus Lime Yang Telah Luput Masih Disimpan Sejak Pengambilalihan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Kimikal LRA Bayayat,
Kota Belud
Tarikh: 10 Disember 2014

- c. Nilai kos bahan kimia yang telah tidak dapat diperolehi kerana ketiadaan rekod pembelian disebabkan kesemua bahan kimia telah luput tarikh dan tidak digunakan sejak pengambilalihan loji rawatan air daripada JANS.
- d. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati pelupusan enapcemar tidak pernah dilaksanakan di 4 daripada 5 buah LRA yang dilawat sejak diambil alih. Hanya LRA Bayayat, Kota Belud membuat pelupusan enapcemar di mana kontraktor yang dilantik ada menyediakan tempat pelupusan sendiri. Jurutera Air Bahagian Kota Belud memaklumkan enapcemar yang dilupuskan dari LRA Bayayat, Kota Belud mempunyai kandungan bahan aluminium yang minima. Lawatan Audit ke 4 LRA mendapati enapcemar semakin memenuhi ruang lagun seperti di **Gambar 4.14** hingga **Gambar 4.17**.

Gambar 4.14
Enapcemar Dalam Lagun
Tidak Dilupuskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: LRA Segaliud, Sandakan
Tarikh: 4 November 2014

Gambar 4.15
Enapcemar Dalam Lagun
Tidak Dilupuskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: LRA Apas Balung I & II, Tawau
Tarikh: 3 Disember 2014

Gambar 4.16
Enapcemar Dalam Lagun
Tidak Dilupuskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: LRA Telibong II, Tuaran
Tarikh: 1 Oktober 2014

Gambar 4.17
Enapcemar Dalam Lagun
Tidak Dilupuskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: LRA Kogopon, Papar
Tarikh: 14 Oktober 2014

- e. Pelupusan tidak dilaksanakan disebabkan pihak yang bertanggungjawab terhadap aset tidak mengetahui kaedah pelupusan mengikut prosedur Kerajaan yang berkuat kuasa, tiada tempat pembuangan bahan kimia dan enapcemar yang sesuai serta mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar. Kesannya, ruang penyimpanan menjadi terhad dan tidak mencukupi serta kos pelupusan akan meningkat pada masa akan datang. Manakala bagi nilai peralatan yang boleh dijual (besi buruk) akan merosot.
- Maklum balas daripada JANS bertarikh 31 Mac 2015 menyatakan, JANS dalam proses mengemukakan permohonan pelupusan mengikut tatacara pelupusan kepada Kementerian Kewangan. Selain itu, jangka hayat kolam enapcemar bagi LRA Segaliud Sandakan, LRA Telibong II Tuaran dan LRA Kogopon Papar adalah 20 tahun iaitu sehingga 2028. Manakala enapcemar di LRA Apas Balung I & II Tawau dikorek dan disimpan di kawasan loji. Cadangan program pengurusan sisa buangan enapcemar di LRA seluruh Negeri Sabah telah dicadangkan dalam RMK-11 secara komprehensif. Wakil Jabatan Alam Sekitar memaklumkan JANS perlu melantik kontraktor yang berlesen untuk melupuskan bahan kimia yang telah luput. Selain itu, peralatan seperti *lead acid battery*, *fire alarm battery* dan *battery N120* juga dikategorikan sebagai pembuangan berjadual.**

Pada pendapat Audit, pelaksanaan pelupusan aset, bahan kimia dan enapcemar adalah kurang memuaskan. JANS hendaklah membuat pelupusan peralatan yang rosak dan tidak boleh dibaiki, bahan kimia yang telah luput sejak penyerahan LRA dan enapcemar bagi mengelakkan pembaziran ruang penyimpanan dan pengaliran keluar cecair enapcemar ke sungai berhampiran.

4.4.3. Tenaga Kerja

- 4.4.3.1. Antara objektif Perkhidmatan Pengurusan LRA Secara Outsource adalah bagi mengatasi kekangan tenaga kerja yang sedang dihadapi oleh JANS berikutan pembinaan LRA yang baharu. Pihak kontraktor dikehendaki untuk menyediakan tenaga kerja bagi menjalankan operasi di LRA. Mengikut kontrak perjanjian antara Kerajaan Negeri Sabah dengan syarikat yang dilantik menjalankan operasi di LRA, Perkara 3.3.3 (i) (b) menyatakan *Employs plant manager, professionals, technicians, workmen and other necessary personnel to ensure that the operation and maintenance of the water treatment process run smoothly*. Bayaran kos tenaga kerja di LRA adalah berdasarkan *Financial Proposal* yang dikemukakan oleh kontraktor yang dilantik.

- 4.4.3.2. Semakan Audit mendapati bilangan tenaga kerja yang disediakan oleh kontraktor di 5 LRA adalah antara 23 hingga 94 orang. Bayaran bulanan untuk tenaga kerja adalah antara RM47,532 hingga RM586,026. Semakan selanjutnya mendapati bilangan tenaga kerja yang disediakan adalah kurang berbanding dengan *Financial Proposal* seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9
Bilangan Tenaga Kerja Mengikut Kontrak

Butiran	LRA (Kapasiti Pengeluaran)	Segaliud, Sandakan (125 JLS)	Telibong 2, Tuaran (96 JLS)	Kogopon, Papar (40 JLS)	Apas Balung, Tawau (20 JLS)	Bayayat, Kota Belud (15 JLS)
Bayaran Bulanan (RM)	586,026.03	280,947.63	174,992.19	52,301.17	47,531.57	
Jumlah Tenaga Kerja Mengikut <i>Revised Financial Proposal</i>	94	81	65	26	23	
Jumlah Tenaga Kerja Sebenar	85	71	56	23	18	
Perbezaan	9	10	9	3	5	

Sumber: Jabatan Audit Negara Dan Kontraktor

4.4.3.3. Pegawai Kimia adalah bertanggungjawab melaksanakan pemantauan dan mengesahkan maklumat ujian kualiti air terawat sesebuah LRA bagi memastikan standard yang ditetapkan dipatuhi. Semakan Audit terhadap *Financial Proposal*, carta organisasi dan *Monthly Report* mendapati bilangan Pegawai Kimia yang disediakan oleh kontraktor adalah berbeza dengan bilangan yang dinyatakan di dalam *financial proposal* seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.10
Bilangan Pegawai Kimia Yang Memantau Loji Rawatan Air

Bil.	Nama Kontraktor	Zon Daerah	Nama Loji Rawatan Air	Bilangan Pegawai Kimia Mengikut Cadangan (Orang)	Bilangan Pegawai Kimia Sebenar (Orang)	Perbezaan
1.	Akal Kukuh Sdn Bhd No. Kontrak: JANS/HQ 7/2013(S)	Keningau	1. Senagang 1 dan 2 2. Agudon 3. Monsopoh 4. Sook 1 dan 2	3	-	1
		Tawau dan Lahad Datu	5. Kunak 6. Silabukan 7. Tungku 8. Apas Balung 1 dan 2 9. Pulau Sebatik 10. Merotai 1 dan 2 11. Kg. Murut 12. Kalabakan		1	
		Sandakan	13. Sukau 14. Batu Putih		1	
2.	Sahabat Megajuta Sdn Bhd No. Kontrak: JANS/HQ 19/2013(S)	Sandakan	1. Paitan 2. Botision	TM	1	TM
		Ranau	3. Maau 4. Toniting 5. Entilibon 6. Pinangah 7. Pinawantai 8. Wayan			
		Kota Belud	9. Bayayat			
		Tuaran	10. Topokon 1 dan 2 11. Pekan Nabalu			
		Kudat	12. Banggi 13. Kanibongan			

Bil.	Nama Kontraktor	Zon Daerah	Nama Loji Rawatan Air	Bilangan Pegawai Kimia Mengikut Cadangan (Orang)	Bilangan Pegawai Kimia Sebenar (Orang)	Perbezaan
3.	Yuda Water Sdn Bhd No. Kontrak: JAN/HQ 8/2011(S)	Tuaran	1. Telibong	TM	2	TM
		Beaufort	2. Kg. Limbawang			
		Sipitang	3. Kg. Ulau			
4.	Akal Kukuh Sdn Bhd No. Kontrak: JANS/HQ 7/2013(S)	Papar	1. Kogopon	1	1	-
			2. EWSS Limbahau	0		
5.	Arawira Sdn Bhd No. Kontrak: JANS/HQ 1/2010(S)	Sandakan	1. Segaliud	1	1	-

Sumber: Jabatan Audit Negara Dan Kontraktor

4.4.3.4. Berdasarkan jadual di atas, Syarikat Akal Kukuh Sdn Bhd dikehendaki menyediakan 3 pegawai kimia bagi memantau 14 buah loji rawatan air. Bagaimanapun, didapati hanya 2 pegawai kimia sahaja yang disediakan untuk memantau kualiti air di 14 buah loji berkenaan. Selain itu, Syarikat Akal Kukuh Sdn Bhd juga perlu menyediakan seorang pegawai kimia khusus untuk LRA Kogopon Papar sahaja, bagaimanapun pegawai kimia berkenaan bertanggungjawab juga memantau EWSS Limbahau Papar. Manakala Syarikat Yuda Water Sdn Bhd dan Syarikat Sahabat Megajuta masing-masing menyediakan 2 orang dan seorang pegawai kimia. Seorang pegawai kimia yang disediakan oleh Syarikat Megajuta Sdn Bhd dipertanggungjawabkan untuk memantau kualiti air terawat di 13 LRA di daerah Kudat, Tuaran, Kota Belud, Ranau dan Sandakan. Bagaimanapun, bilangan pegawai kimia yang sepatutnya disediakan oleh Syarikat Yuda Water Sdn Bhd dan Syarikat Sahabat Megajuta tidak dapat dipastikan kerana dokumen keperluan sebenar tidak diperolehi.

4.4.3.5. Berdasarkan maklum balas bertarikh 16 April 2015, iaitu setelah mendapat teguran Audit, pihak Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) telah menjalankan semakan semula terhadap carta organisasi LRA yang terlibat mendapat perbezaan dalam carta organisasi disebabkan tenaga kerja bagi kerja-kerja penyenggaraan loji dan kawasan loji dibuat secara *outsource*. Bagaimanapun, carta organisasi telah diselaraskan sewajarnya. JANS akan sentiasa memantau prestasi kontraktor bagi memastikan matlamat utama operasi air secara *outsource* iaitu mengeluarkan air terawat mengikut permintaan semasa tercapai. Pihak JANS juga meminta laporan berkala dikemukakan oleh kontraktor termasuk senarai tenaga kerja kontraktor yang digunakan.

Pada pendapat Audit, bilangan tenaga kerja di 5 Loji Rawatan Air yang disediakan kerja oleh kontraktor mencukupi untuk operasi loji-loji berkenaan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Bagaimanapun, Pihak JANS hendaklah sentiasa

menyimpan rekod tenaga kerja yang kemas kini seperti carta organisasi, bilangan tenaga kerja bagi loji-loji berkenaan dan maklumat tenaga kerja/kontrak penyenggaraan secara *outsource* oleh syarikat lain, bagi tujuan pemantauan supaya kontraktor menyediakan tenaga kerja yang mencukupi sejajar dengan bayaran yang telah diterima.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan perkhidmatan pengurusan LRA secara *outsource* dapat dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan, adalah disyorkan JANS mengambil langkah-langkah seperti berikut:

4.5.1. JANS hendaklah membuat pemeriksaan aset dan menyediakan bajet untuk membuat penyenggaraan secara berkala bagi memastikan LRA beroperasi dengan lancar. Selain itu, JANS hendaklah mengambil tindakan melupus peralatan yang rosak dan bahan kimia dengan kadar segera bagi menjimatkan ruang penyimpanan dan mengelakkan pencemaran.

4.5.2. Pihak JANS hendaklah sentiasa menyimpan rekod tenaga kerja yang kemas kini seperti carta organisasi, bilangan tenaga kerja bagi loji-loji berkenaan dan maklumat tenaga kerja/kontrak penyenggaraan secara *outsource* oleh syarikat lain, bagi tujuan pemantauan supaya Kontraktor menyediakan tenaga kerja yang mencukupi sejajar dengan bayaran yang telah diterima.

JABATAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR

JABATAN PERHUTANAN

5. PENGURUSAN PENILAIAN IMPAK ALAM SEKITAR BAGI AKTIVITI PERHUTANAN

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Dasar Alam Sekitar Negara adalah untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari. Kesedaran mengenai kepentingan melindungi alam sekitar di negara ini bermula selepas *Stockholm Conference* di Jerman pada tahun 1972 yang membincangkan perlunya pengurusan alam sekitar yang mampan. Manakala pada tahun 1992, satu persidangan sedunia mengenai alam sekitar telah diadakan di Brazil iaitu *The Convention On Biological Diversity 1992 (Rio Declaration on Environment and Development – 27 Principles)*. Ekoran persidangan tersebut, Kerajaan Malaysia telah merangka polisi alam sekitar iaitu *Malaysian National Conservation Strategy 1992*.

5.1.2. Seiring dengan itu, Kerajaan Negeri Sabah turut menggubal strategi alam sekitar peringkat negeri yang dinamakan *Sabah Conservation Strategy 1992*. Strategi yang dirangka merangkumi perancangan, penilaian, penguatkuasaan, pengawalan, pembangunan, pendidikan dan pengembangan serta pengurusan maklumat alam sekitar.

5.1.3. Bagi melindungi alam sekitar di peringkat negeri, fungsi dan tanggungjawab ini dilaksanakan oleh Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah (JPAS). Perkara ini dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan, Senarai I - Senarai Negeri dan Senarai II – Senarai Bersama. Perundangan yang digunakan adalah Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 (EPAS) dan Perintah Perlindungan Alam Sekitar (Aktiviti Yang Ditetapkan) 2005. Peruntukan dalam EPAS telah menetapkan peranan JPAS dalam merancang, melaksana dan mengawal aktiviti-aktiviti pembangunan serta pengeksplotasian sumber-sumber semula jadi. Selain JPAS, Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS) juga berperanan melindungi alam sekitar Negeri Sabah. Peranan dan tanggungjawab JAS ini dinyatakan dalam Akta Kualiti Alam Sekitar 1974.

5.1.4. Mengikut Perintah Perlindungan Alam Sekitar (Aktiviti Yang Ditetapkan) 2005, terdapat 12 aktiviti pembangunan tanah yang perlu dikawal termasuklah aktiviti perhutanan. Semua aktiviti perhutanan yang merangkumi kegiatan pembalakan dan perladangan hutan serta melibatkan kawasan melebihi 500 hektar perlu mengemukakan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar atau *Environment Impact Assessment (EIA)* kepada JPAS untuk kelulusan. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, JPAS telah menerima sebanyak 17 laporan EIA bagi aktiviti perhutanan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 14 laporan EIA

telah diluluskan manakala 3 ditolak/dibatalkan kerana tidak memenuhi keperluan Seksyen 12D(1), EPAS 2002 iaitu tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan, langkah-langkah kawalan yang dicadangkan tidak mencukupi dan akan menjelaskan alam sekitar. Butiran jumlah laporan EIA yang diterima dan diluluskan adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Bilangan Laporan EIA Yang Diluluskan Bagi Aktiviti Perhutanan
Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga Disember 2014

Tahun	Bilangan Laporan EIA Bagi Aktiviti Perhutanan		
	Diterima	Diluluskan	Ditolak/Batal
2012	8	6	2
2013	6	5	1
2014	3	3	-
Jumlah	17	14	3

Sumber: Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah

5.1.5. Jabatan Perhutanan Negeri Sabah (JPNS) pula telah melaksanakan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan bagi mewujudkan kelestarian nilai ekonomi, impak sosial dan alam sekitar. Di bawah pengurusan tersebut, langkah-langkah pencegahan kesan alam sekitar menerusi praktis operasi pembalakan melalui kaedah *Reduced Impact Logging (RIL)* telah dilaksanakan. Manakala bagi aktiviti perladangan hutan, pengurusan dilaksanakan berpandukan Lesen Perjanjian, *Forest Management Plan*, *Annual Work Plan*, syarat-syarat kup dan permit.

5.1.6. Mengikut Enakmen Perhutanan 1968 dan Peraturan Perhutanan 1968, aktiviti pembalakan dan perladangan hutan hanya boleh beroperasi setelah Laporan EIA diluluskan oleh JPAS.

5.1.7. Peruntukan umum berhubung dengan polisi dan program perlindungan alam sekitar yang perlu dilaksanakan oleh JPAS dinyatakan di bawah seksyen 9 hingga 20, Bahagian III, EPAS. Program tersebut merangkumi aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan oleh JPAS dan turut melibatkan lain-lain agensi kerajaan yang berkaitan termasuklah Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Tanah dan Ukur Sabah serta Jabatan Hidupan Liar Sabah. Di peringkat Negeri Sabah, aktiviti perlindungan alam sekitar dipantau oleh Majlis Perlindungan Alam Sekitar yang ditubuhkan di bawah seksyen 3(1), Bahagian II, EPAS. Majlis tersebut berfungsi sebagai penasihat kepada Kerajaan Negeri Sabah berhubung dengan isu alam sekitar dan penguatkuasaan EPAS. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, Kerajaan Negeri Sabah telah memperuntukkan sejumlah RM 825,900, RM818,910 dan RM762,930 masing-masing kepada JPAS khusus bagi tujuan aktiviti perlindungan dan pembangunan alam sekitar. Jumlah peruntukan yang diterima telah menurun sejumlah RM6,990 dan RM55,980 masing-masing pada tahun 2013 dan 2014.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan impak alam sekitar bagi aktiviti pembalakan dan perladangan hutan dilaksana dan dipantau dengan sewajarnya oleh JPAS dan JPNS.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) projek perhutanan yang diluluskan termasuk aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan oleh JPAS dan Jabatan Perhutanan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat JPAS dan JPNS serta Pejabat Perhutanan Daerah terpilih dengan membuat semakan terhadap senarai laporan EIA serta yang diluluskan bagi aktiviti perhutanan. Analisis juga dibuat terhadap laporan penguatkuasa berkaitan pematuhan syarat EIA dan peraturan perhutanan yang berkaitan serta tindakan undang-undang yang telah diambil. Lawatan fizikal bagi menilai pematuhan syarat EIA dan peraturan perhutanan telah dijalankan di daerah Ranau, Keningau dan Tawau. Pemeriksaan fizikal tersebut melibatkan 5 pelesen yang kesemuanya menjalankan aktiviti perladangan perhutanan atau “*agroforestry*”. Selain itu, temu bual bersama pegawai dan kakitangan yang terlibat juga telah diadakan bagi mendapatkan maklumat tambahan dan mengesahkan penemuan Audit. *Exit conference* bersama wakil dari Jabatan Perlindungan Alam Sekitar dan Jabatan Perhutanan telah diadakan pada 20 April 2015 yang turut dihadiri oleh wakil dari Kementerian Kewangan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 dan beberapa lawatan Audit mendapati, kawalan perlindungan alam sekitar terhadap aktiviti pembalakan dan perladangan hutan adalah memuaskan kecuali beberapa perlanggaran syarat yang boleh ditambah baik seperti dijelaskan dalam perenggan berikut:

- Pelanggaran syarat EIA oleh pelesen
- Perunding Alam Sekitar gagal mengemukakan laporan ECR
- Pemantauan dan penguatkuasaan oleh JPAS kurang berkesan

5.4.1. Pematuhan Syarat Dan Peraturan Terhadap Impak Alam Sekitar

5.4.1.1. Perlindungan terhadap alam sekitar adalah penting semasa aktiviti perhutanan dilaksanakan bagi memastikan kualiti alam sekitar terjamin. Oleh itu, pelesen dikehendaki mematuhi semua syarat dan peraturan EIA dengan menandatangani Perjanjian Syarat-Syarat Alam Sekitar (Akujanji). Antara syarat Akujanji ialah perlindungan dan kawalan terhadap tanah, kualiti air, biologi flora dan fauna, kawalan kebakaran, pelupusan biomas

dan sisa pepejal serta menjaga kepentingan sosio ekonomi masyarakat setempat. Lawatan dan pemeriksaan Audit ke 5 kawasan aktiviti perhutanan terpilih yang telah dilaksanakan di daerah Ranau pada 2 hingga 7 November 2014 dan di daerah Sook pada 26 hingga 30 Januari 2015 serta di daerah Kalabakan pada 9 hingga 13 Februari 2015 bersama kakitangan JPNS mendapati perkara seperti berikut:

a. Perlindungan Terhadap Tanah

- i. Keadaan permukaan tanah di kawasan aktiviti perhutanan perlu dilindungi daripada terhakis terutama di kawasan cerun dan berhampiran sungai. Pelesen dikehendaki mengenal pasti sempadan kup atau kompartmen, cadangan rangkaian jalan, kawasan simpanan riparian, zon penyanggah anak sungai dan kawasan curam yang melebihi 25 darjah tidak dibenarkan menjalankan aktiviti perhutanan.
- ii. Pemeriksaan Audit ke 5 lokasi pelesen mendapati, daripada 20 peraturan yang ditetapkan, 5 peraturan tidak dipatuhi seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2

Pematuhan Syarat-Syarat Alam Sekitar Oleh Pelesen Terhadap Kawalan Perlindungan Tanah

Bil.	Langkah-langkah Pengawalan Untuk Meminimumkan Kesan Terhadap Alam Sekitar	Patuh (/) Tidak Patuh (x)				
		Ranau		Keningau		Tawau
		Pelesen 1	Pelesen 2	Pelesen 3	Pelesen 4	Pelesen 5
Pengezonan kawasan						
1.	Larangan operasi pembalakan di kawasan yang curam.	/	/	TB	/	/
2.	Kawasan curam seharusnya ditanda, dipacangkan papan tanda dan dicat dengan warna merah seperti di Gambar 5.1 dan Gambar 5.2 .	/	/	/	/	/
3.	Menggunakan jentera ringan (<i>chainsaw</i>) untuk meminimumkan gangguan dan pemedatan tanah.	/	/	TB	/	/
Cerun dan Kecuraman						
4.	Meminimumkan jarak kecuraman cerun untuk mengurangkan halaju aliran dan kadar hakisan.	/	/	/	/	/
5.	Membina bonggol untuk memperlakhankan kadar hakisan dan membina tapak pemendapan enapan (<i>Sedimentasi pond</i>) seperti di Gambar 5.3 dan Gambar 5.4 .	x	x	x	x	/
Laluan Perhubungan dan Lorongan Penarikan Balak						
6.	Menggunakan semula jalan dan lorong penarikan balak lama untuk mengurangkan pembinaan jalan dan lorong penarikan balak yang baru.	/	/	/	/	/
7.	Pembinaan jalan dan lorong penarikan balak yang baru seharusnya disesuaikan dengan keadaan kontur dan keadaan semula jadi tanah untuk mengurangkan gangguan tanah, hakisan tanah dan mengurangkan kos.	/	/	/	/	/
Simpanan Sungai						
8.	Simpanan sungai seluas 30 meter dikekalkan, dipacangkan papan tanda dan dicat dengan warna merah seperti di Gambar 5.5 hingga Gambar 5.11 .	/	/	x	/	/

Bil.	Langkah-langkah Pengawalan Untuk Meminimumkan Kesan Terhadap Alam Sekitar	Patuh (/) Tidak Patuh (x)				
		Ranau	Keningau		Tawau	
		Pelesen 1	Pelesen 2	Pelesen 3	Pelesen 4	Pelesen 5
9.	Larangan membalak di kawasan simpanan sungai seperti di Gambar 5.12 .	x	x	x	x	/
Jalan-jalan Balak (Logging Roads)						
10.	Menggunakan semula jalan-jalan balak yang lama untuk mengurangkan kos dan mengurangkan hakisan tanah.	/	/	/	/	/
11.	Menjaga dan membaik pulih jalan-jalan balak yang lama sewaktu musim kering untuk mengurangkan hakisan tanah.	/	/	/	/	/
12.	Kesemua jalan seharusnya dilengkapi dengan parit untuk memesongkan aliran air dari jalan balak seperti di Gambar 5.13 hingga Gambar 5.15 .	/	/	/	x	/
Lorong-lorong Penarikan Balak (Skid Trails)						
13.	Lorong-lorong penarikan balak tidak berada di kawasan simpanan sungai untuk mengelakkan kerosakan dan hakisan tanah.	/	/	/	/	/
14.	Lorong-lorong penarikan balak seharusnya tidak melintasi alur.	/	/	/	/	/
Panggung dan Tempat Pengumpulan Balak Sementara (Landing and Stumping Point)						
15.	Menggunakan panggung yang lama untuk mengumpul balak.	/	/	/	/	TB
16.	Menjadikan kawasan tepi jalan balak yang sesuai sebagai panggung.	/	/	/	/	TB
17.	Panggung seharusnya berada di kawasan yang rata dan dibina sekurang-kurangnya 50 meter jauh dari alur atau sungai.	/	/	/	/	TB
Tapak Khemah (Camp Site)						
18.	Menggunakan semula tapak khemah yang lama.	/	/	/	/	/
19.	Membina khemah di tanah yang rata dan 50 meter jauh dari alur atau sungai seperti di Gambar 5.16 dan Gambar 5.17 .	/	/	/	/	x
Jambatan						
20.	Menjadikan/membina jambatan sebagai lintasan sungai untuk mengelakkan lencongan alur atau sungai semula jadi	/	/	/	/	/

Sumber: Jabatan Audit Negara


Nota: TB – Tidak berkenaan kerana tidak melibatkan aktiviti pembalakan

Gambar 5.1
Penandaan Kawasan Curam (Steep Area)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ranau, Kota Kinabalu
Tarikh: 6 November 2014

Gambar 5.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kalabakan, Tawau
Tarikh: 10 Februari 2015

Gambar 5.3
Pembinaan Bonggol Untuk Memperlahankan Hakisan Tanah



10.02.2015

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kalabakan, Tawau
Tarikh: 10 Februari 2015

Gambar 5.4



10.02.2015

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kalabakan, Tawau
Tarikh: 10 Februari 2015

Gambar 5.5

Penandaan Riparian Reserve



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ranau, Kota Kinabalu
Tarikh: 6 November 2014

Gambar 5.6



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 29 Januari 2015

Gambar 5.7

Penandaan Riparian Reserve



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 28 Januari 2015

Gambar 5.8



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kalabakan, Tawau
Tarikh: 9 Februari 2015

Gambar 5.9

Riparian Reserve Kurang 30 meter



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sook, Keningau

Tarikh: 28 Januari 2015

Gambar 5.10

Riparian Reserve Kurang 30 meter



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sook, Keningau

Tarikh: 28 Januari 2015

Gambar 5.11

Riparian Reserve Kurang 30 meter



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kalabakan, Tawau

Tarikh: 10 Februari 2015

Gambar 5.12

Larangan Membalak Di Kawasan

Riparian Reserve



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kalabakan, Tawau

Tarikh: 10 Februari 2015

Gambar 5.13

Jalan Dilengkapi Dengan Parit Untuk Memesangkan Air



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Ranau, Kota Kinabalu

Tarikh: 6 November 2014

Gambar 5.14

Jalan Dilengkapi Dengan Parit Untuk Memesangkan Air



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sook, Keningau

Tarikh: 29 Januari 2015




Gambar 5.15
Jalan Balak Tidak Dilengkapi Parit Untuk Memesangkan Aliran Air

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kalabakan, Tawau
Tarikh: 9 Februari 2015



Gambar 5.16
Tapak Khemah Sementara Dibina Kurang 50 Meter Daripada Alur Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kalabakan, Tawau
Tarikh: 10 Februari 2015

b. Kawalan Terhadap Kualiti Air

- i. Hutan merupakan kawasan tadahan air utama bagi membekalkan sumber air kepada semua hidupan termasuk manusia. Oleh itu, adalah penting aktiviti perhutanan yang dilaksanakan tidak menjejas sumber dan kualiti air yang terdapat di kawasan tersebut. Pelesen dikehendaki mengambil langkah-langkah pencegahan bagi memastikan sumber dan kualiti air melibatkan alur, anak sungai dan sungai yang terdapat di kawasan terbabit dilindungi. Antara langkah-langkah yang perlu diambil adalah menyediakan sistem perparitan, kolam pemendapan bagi mengawal aliran air dan persempadan kawasan simpanan sungai. Pelesen juga dikehendaki menyediakan laporan bacaan kualiti air semasa menyediakan laporan pematuhan atau *Environmental Compliance Report* (ECR).
- ii. Pemeriksaan Audit ke 5 lokasi pelesen aktiviti perhutanan mendapati, semua syarat kawalan kualiti air tidak dipatuhi kecuali bagi satu pelesen yang merangkumi penyediaan dan penyenggaraan kolam pemendapan seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Pematuhan Syarat-Syarat Alam Sekitar Oleh Pelesen Terhadap Kawalan Kualiti Air

Bil.	Langkah-langkah Pengawalan Untuk Meminimumkan Kesan Terhadap Alam Sekitar	Patuh (/) Tidak Patuh (x)				
		Ranau		Keningau		Tawau
		Pelesen 1	Pelesen 2	Pelesen 3	Pelesen 4	Pelesen 5
Kualiti Air						
1.	Perparitan Keliling – Aliran air permukaan dari tapak khemah dan kawasan panggung seharusnya dilencangkan ke sistem perparitan dan seharusnya diarahkan ke kolam pemendapan	x	x	x	x	x
2.	Perparitan seharusnya direka bentuk untuk memastikan aliran memasuki kolam pemendapan sebelum memasuki anak-anak sungai dan sungai utama seperti di Gambar 5.18 hingga Gambar 5.20 .	x	x	x	x	x
3.	Menyenggara parit secara kerap untuk mengelakkan parit tersumbat seperti di Gambar 5.21 .	x	x	x	x	x
Kolam Pemendapan						
4.	Membina kolam pemendapan untuk memerangkap enapan di tapak aktiviti pembalakan/perladangan hutan adalah penting untuk membenarkan partikel tanah termendap sebelum ia memasuki alur air. Kolam pemendapan seharusnya dibina di hujung perparitan sebelum memasuki alur air seperti di Gambar 5.22 hingga Gambar 5.25 .	x	x	x	x	/
5.	Kolam pemendapan seharusnya dapat menampung kadar aliran yang maksimum dari tapak aktiviti pembalakan/perladangan hutan.	x	x	x	x	/
6.	Kolam pemendapan seharusnya di senggara dengan kerap dengan mengeluarkan lumpur dan benda-benda lain.	x	x	x	x	/

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 5.18




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ranau, Kota Kinabalu
Tarikh: 6 November 2014

Gambar 5.19




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 27 Januari 2015

Gambar 5.20
Kolam Pemendapan Tidak Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 29 Januari 2015

Gambar 5.21
Sistem Perparitan Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 29 Januari 2015

Gambar 5.22
Aliran Air Terus Memasuki Alur Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 27 Januari 2015

Gambar 5.23
Kolam Pemendapan Dibina Di Kuarters Pekerja



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 29 Januari 2015

Gambar 5.24
Kolam Pemendapan Di Tapak Semaian



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 29 Januari 2015

Gambar 5.25



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 29 Januari 2015

c. Kawalan Terhadap Biologi Flora Dan Fauna

- Khazanah hutan yang kaya dengan flora dan fauna perlu dipelihara dan dilindungi bagi warisan dunia/negara. Terdapat beberapa spesies tumbuhan dan hidupan liar yang telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri sebagai spesies yang dilindungi. Pelesen dikehendaki mengambil beberapa tindakan seperti menyediakan zon penampaman, mengawal pintu keluar masuk, mencegah aktiviti pemburuan dan pencerobohan haram serta mengemukakan laporan kepada JPAS dan JPNS.
- Lawatan dan pemeriksaan Audit ke 5 lokasi mendapati, 4 daripada 11 syarat dan peraturan telah tidak dipatuhi seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Pematuhan Syarat-Syarat Alam Sekitar Oleh Pelesen
Terhadap Kawalan Biologi Flora Dan Fauna

Bil.	Langkah-langkah Pengawalan Untuk Meminimumkan Kesan Terhadap Alam Sekitar	Patuh (/) Tidak Patuh (x)								
		Ranau		Keningau		Tawau				
		Pelesen	1	Pelesen	2	Pelesen	3	Pelesen	4	Pelesen
Perlindungan Fauna										
1.	Sebarang penemuan <i>salt lick</i> seharusnya dikekalkan dan dilindungi dengan 50 meter zon penampaman untuk kehidupan (<i>feedings</i>) hidupan liar seperti di Gambar 5.26 dan Gambar 5.27 .	/	/	x	/	/	/	/	/	
2.	Sebarang tapak kajian hidupan liar yang dikenal pasti seharusnya dikekalkan dan dilindungi dengan 50 meter zon penampaman untuk mengelakkan gangguan seperti di Gambar 5.28 dan Gambar 5.29 .	/	/	/	/	/	/	/	/	
3.	Larangan memburu dalam kawasan pembalakan. Pemaju dikehendaki memaklumkan para pekerja mengenai larangan tersebut seperti di Gambar 5.30 hingga Gambar 5.33 .	/	/	/	/	/	/	/	/	
4.	Operasi pembalakan seharusnya dilaksanakan secara berperingkat untuk memberi peluang kepada hidupan liar untuk menyelamatkan diri ke kawasan yang selamat.	/	/	/	/	/	/	/	/	

Bil.	Langkah-langkah Pengawalan Untuk Meminimumkan Kesan Terhadap Alam Sekitar	Patuh (/) Tidak Patuh (x)				
		Ranau	Keningau		Tawau	
		Pelesen 1	Pelesen 2	Pelesen 3	Pelesen 4	Pelesen 5
5.	Kesemua pokok yang dikenal pasti mempunyai sarang Orang Utan seharusnya tidak ditebang dan dilindungi serta dilaporkan kepada Jabatan Hidupan Liar Sabah seperti di Gambar 5.34 .	/	/	/	/	/
6.	Merekod sebarang penemuan spesies flora dan fauna terlindung dalam kawasan pembalakan (dinyatakan lokasi, jenis spesies dan jumlahnya) dan dilaporkan kepada Jabatan Hidupan Liar seperti di Gambar 5.35 hingga Gambar 5.40 .	x	x	x	x	/
Perlindungan Flora						
7.	Kesemua pokok buah-buahan seharusnya tidak ditebang untuk membekalkan makanan kepada hidupan liar .	/	/	/	/	/
Pemberitahuan						
8.	Pemaju seharusnya memberitahu Jabatan Hidupan Liar, sekurang-kurangnya 30 hari sebelum mulakan operasi pembalakan.	/	/	/	/	/
9.	Pemaju seharusnya memberitahu JPNS mengenai penemuan mana-mana spesies flora dan fauna terlindung dalam kawasan pembalakan.	x	x	x	x	/
10.	Memberitahu Jabatan Hidupan Liar mengenai penemuan pokok yang mempunyai sarang Orang Utan, Gajah Borneo dan lain-lain hidupan liar dalam kawasan pembalakan.	x	x	x	/	/
Kawasan Pemuliharaan						
11.	Menjalankan operasi pembalakan mengikut kaedah R/L untuk meminimumkan gangguan terhadap keadaan semula jadi hutan sebagai habitat penting bagi hidupan liar.	/	/	/	/	TB

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: TB – Tidak berkenaan kerana tidak melibatkan aktiviti pembalakan

Gambar 5.26
Penemuan Salt Lick Yang Belum Digazetkan



Sumber: Pelesen Perladangan Hutan
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 28 Januari 2015

Gambar 5.27
Penemuan Jejak Hidupan Liar Di Kawasan Salt Lick



Sumber: Pelesen Perladangan Hutan
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 28 Januari 2015

Gambar 5.28
Perlindungan Zon Tapak Kajian Hidupan Liar



Sumber: Pelesen Perladangan Hutan
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 28 Januari 2015

Gambar 5.29



Sumber: Pelesen Perladangan Hutan
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 28 Januari 2015

Gambar 5.30
Larangan Memburu Di Pintu Masuk



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ranau, Kota Kinabalu
Tarikh: 6 November 2014

Gambar 5.31



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kalabakan, Tawau
Tarikh: 9 Februari 2015

Gambar 5.32
Larangan Memburu




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kalabakan, Tawau
Tarikh: 9 Februari 2015

Gambar 5.33



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 28 Januari 2015

Gambar 5.34
Penemuan Sarang Orang Utan Di Kawasan Perladangan Hutan



Sumber: Pelesen Perladangan Hutan
Lokasi: Kalabakan, Tawau
Tarikh: 9 Februari 2015

Gambar 5.36
Penemuan Burung Spesies Terlindung Di Kawasan Perladangan Hutan



Sumber: Pelesen Pembalakan
Lokasi: Kalabakan, Tawau
Tarikh: 9 Februari 2015

Gambar 5.38
Penemuan Hidupan Liar Di Kawasan Perladangan Hutan



Sumber: Pelesen Perladangan Hutan
Lokasi: Kalabakan, Tawau
Tarikh: 9 Februari 2015

Gambar 5.35
Penemuan Hidupan Liar Di Sungai Berhampiran Kawasan Pembalakan



Sumber: Pelesen Perladangan Hutan
Lokasi: Kalabakan, Tawau
Tarikh: 9 Februari 2015

Gambar 5.37
Penemuan Helang Di Kawasan Perladangan Hutan



Sumber: Pelesen Perladangan Hutan
Lokasi: Kalabakan, Tawau
Tarikh: 9 Februari 2015

Gambar 5.39
Penemuan Jejak Hidupan Liar Di Kawasan Perladangan Hutan



Sumber: Pelesen Perladangan Hutan
Lokasi: Kalabakan, Tawau
Tarikh: 9 Februari 2015



Gambar 5.40
Penemuan Jejak Hidupan Liar
Di Kawasan Perladangan Hutan

Sumber: Pelesen Perladangan Hutan
Lokasi: Kalabakan, Tawau
Tarikh: 9 Februari 2015

d. Kawalan Terhadap Kebakaran Hutan

- Kebakaran hutan boleh berlaku sekiranya langkah-langkah pencegahan tidak disediakan, terutama pada musim kemarau. Mengikut rekod JPNS, kebakaran hutan yang besar pernah terjadi di Negeri Sabah pada tahun 1983 dan 1998 melibatkan kemasuhan hutan simpan seluas 1 juta hektar dan 200,000 hektar masing-masing. Bagi maksud tersebut, pelesen dikehendaki menyediakan ‘Pelan Pencegahan Kebakaran’ dan mengemukakannya kepada JPNS untuk kelulusan. Antara kandungan Pelan tersebut ialah langkah-langkah pencegahan dan tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku kebakaran. Satu Jawatankuasa Pencegahan Kebakaran perlu diwujudkan dan menghantar sepasukan pekerja untuk mengikuti kursus pencegahan kebakaran anjuran JPNS.
- Lawatan dan semakan Audit mendapati, 3 daripada 5 syarat mengenai kawalan kebakaran hutan tidak dipatuhi oleh pelesen seperti di **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5
Pematuhan Syarat-Syarat Alam Sekitar Oleh Pelesen
Terhadap Kawalan Kebakaran Hutan

Bil.	Langkah-langkah Pengawalan Untuk Meminimumkan Kesan Terhadap Alam Sekitar	Patuh (/) Tidak Patuh (x)				
		Ranau		Keningau		Tawau
		Pelesen 1	Pelesen 2	Pelesen 3	Pelesen 4	Pelesen 5
Kebakaran Hutan						
1.	Larangan terhadap pembakaran terbuka dalam kawasan pembalakan/perladangan hutan kerana kawasan tersebut digazet sebagai hutan simpan.	/	/	/	/	/
2.	Mengenal pasti kawasan yang sensitif dan mudah terbakar dalam kawasan pembalakan agar dapat dipantau semasa musim kering.	/	/	/	/	/
3.	Pelan Pencegahan dan Pengawalan Kebakaran	/	x	/	x	x
4.	Jawatankuasa Pencegahan Kebakaran	x	/	/	x	/
5.	Kehadiran Kursus Pencegahan Kebakaran	x	x	x	x	x

Sumber: Jabatan Audit Negara

e. Pelupusan Biomas Dan Sisa Pepejal

- i. Pengurusan terhadap pelupusan biomas dan sisa pepejal adalah penting bagi mengelakkan berlakunya pencemaran alam sekitar. Pelesen dikehendaki menyediakan tempat simpanan sisa minyak, pelupusan sampah dan sisa daripada aktiviti perhutanan serta sistem kumbahan mengikut syarat EIA dan JPNS. Selain itu, pelesen dilarang menjalankan aktiviti pembakaran secara terbuka.
- ii. Lawatan dan pemeriksaan Audit ke lokasi aktiviti perhutanan mendapat, 4 daripada 7 syarat pelupusan biomas dan sisa pepejal tidak dipatuhi seperti di **Jadual 5.6**.

Jadual 5.6
Pematuhan Syarat-Syarat Alam Sekitar Oleh Pelesen
Terhadap Kawalan Pelupusan Biomas Dan Sisa Pepejal

Bil.	Langkah-langkah Pengawalan Untuk Meminimumkan Kesan Terhadap Alam Sekitar	Patuh (/) Tidak Patuh (x)				
		Ranau		Keningau		Tawau
		Pelesen 1	Pelesen 2	Pelesen 3	Pelesen 4	Pelesen 5
Sisa Mekanikal						
1.	Kesemua sisa minyak dan gris daripada mesin-mesin pembalakan dan kenderaan seharusnya disimpan dalam bekas yang kukuh untuk pelupusan terakhir seperti di Gambar 5.41 dan Gambar 5.44 .	/	x	/	x	/
2.	Kemudahan penyimpanan sementara seharusnya ditutup dan terletak 50 meter jauh dari alur dan sungai seperti di Gambar 5.45 dan Gambar 5.46 .	/	/	/	x	/
Pelupusan Sampah						
3.	Melupus sampah jauh dari sungai.	/	/	/	/	/
4.	Larangan terhadap pembakaran sampah dan sisa pepejal.	/	/	/	/	/
Biomas						
5.	Kesemua biomas yang terhasil daripada aktiviti pembalakan seharusnya dibiarkan di atas tanah dan mereput secara semula jadi.	/	/	/	/	/
6.	Membersihkan mana-mana alur yang tersumbat oleh biomas dan sisa kayu seperti di Gambar 5.47 hingga Gambar 5.49 .	x	x	x	x	x
7.	Menyediakan kaedah pelupusan sisa kumbahan yang betul untuk mengelakkan pencemaran alur dan sungai.	/	x	/	/	x

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 5.41

Penyimpanan Minyak Hitam Dalam Bekas Yang Kukuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ranau, Kota Kinabalu
Tarikh: 6 November 2014

Gambar 5.42

Penyimpanan Minyak Hitam Dalam Bekas Yang Kukuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 27 Januari 2015

Gambar 5.43

Sisa Minyak Hitam Tumpah Dan Terdedah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 27 Januari 2015

Gambar 5.44


Sisa Minyak Hitam Tumpah Dan Terdedah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 27 Januari 2015

Gambar 5.45

Sisa Minyak Hitam Tumpah Dan Memasuki Aliran Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 27 Januari 2015

Gambar 5.46

Sisa Minyak Hitam Tumpah Dan Memasuki Aliran Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kalabakan, Tawau
Tarikh: 9 Februari 2015

Gambar 5.47

Alur Tersumbat Tidak Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kalabakan, Tawau

Tarikh: 9 Februari 2015

Gambar 5.48

Alur Tersumbat Tidak Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kalabakan, Tawau

Tarikh: 9 Februari 2015



Gambar 5.49

Alur Tersumbat Tidak Dibersihkan

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Keningau, Kota Kinabalu

Tarikh: 27 Januari 2015

f. Pengurusan Terhadap Sosio Ekonomi

- i. Dalam melaksanakan aktiviti perhutanan, kepentingan masyarakat setempat perlulah dijaga agar turut menikmati impak yang positif. Selain itu, kawasan bersejarah dan tanah perkuburan sekiranya ada perlulah dipelihara. Pelesen dikehendaki menyalurkan sumbangan, mengawal lalu lintas, pengangkutan dan memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.
- ii. Lawatan dan pemeriksaan Audit mendapati, kesemua pelesen telah mematuhi syarat yang ditetapkan kecuali 2 pelesen yang tidak mematuhi syarat muatan oleh JPNS seperti di **Jadual 5.7**.

Jadual 5.7
Pematuhan Syarat-Syarat Alam Sekitar Oleh Pelesen
Terhadap Kawalan Sosio Ekonomi

Bil.	Langkah-langkah Pengawalan Untuk Meminimumkan Kesan Terhadap Alam Sekitar	Patuh (/) Tidak Patuh (x)				
		Ranau	Keningau		Tawau	
	Pelesen 1	Pelesen 2	Pelesen 3	Pelesen 4	Pelesen 5	
Sosio Ekonomi Penduduk Kampung						
1.	Pemaju seharusnya mewujudkan hubungan baik dan bekerjasama dengan penduduk kampung di kawasan pembalakan/perladangan hutan untuk memastikan kehidupan harian penduduk kampung tidak terganggu.	/	/	/	/	/
2.	Sebarang penemuan tapak bersejarah dan perkuburan dilaporkan.	/	/	/	/	/
Lalu lintas dan pengangkutan						
3.	Tanda-tanda lalu lintas seharusnya diletakkan berdekatan dengan laluan masuk ke kawasan pembalakan.	/	/	/	/	/
4.	Mendaftarkan kesemua trak-trak dan mesin-mesin pembalakan kepada JPJ dan JPNS.	/	/	/	/	/
5.	Kesemua aktiviti pengangkutan balak seharusnya mengikut had muatan yang disarankan oleh JPNS seperti di Gambar 5.50 dan Gambar 5.51 .	TB	x	TB	x	TB

Sumber: Jabatan Audit Negara

*Nota: TB – Tidak berkenaan kerana tidak melibatkan aktiviti pembalakan

Gambar 5.50

Pengangkutan Balak Melebihi Muatan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sook, Keningau

Tarikh: 28 Januari 2015

Gambar 5.51



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kalabakan, Tawau

Tarikh: 9 Februari 2015

- g. Kegagalan pelesen mematuhi syarat alam sekitar dan peraturan perhutanan adalah disebabkan kurangnya pemantauan oleh JPAS dan JPNS. Kelemahan ini juga disebabkan kurangnya koordinasi antara kedua-dua agensi bagi menangani isu ini. Pihak JPAS pula menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja sepertimana yang telah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri. Keadaan ini mengakibatkan kawalan terhadap kesan alam sekitar dalam kawasan aktiviti perhutanan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya dan menyebabkan berlakunya perlanggaran syarat dan peraturan serta pencemaran alam sekitar.

- h. Berdasarkan maklum balas bertarikh 29 dan 30 April 2015, pihak JPAS dan JPNS telah mengambil tindakan terhadap isu-isu yang berbangkit. Pihak pelesen terbabit telah bertindak mematuhi syarat alam sekitar dan peraturan perhutanan yang ditetapkan seperti berikut:
- i. Perlindungan terhadap tanah seperti membina bonggol, memasang papan tanda larangan membalak dan memindah khemah ke lokasi baru jauh dari alur sungai
 - ii. Kawalan terhadap kualiti air seperti membina kolam pemendapan dan menyenggara parit
 - iii. Kawalan terhadap biologi flora dan fauna dengan menyediakan laporan penemuan spesies flora dan fauna terlindung
 - iv. Kawalan terhadap kebakaran hutan dengan melaksanakan program Pencegahan dan Pengawalan Kebakaran dan kursus
 - v. Pelupusan biomas dan sisa pepejal seperti membersihkan sisa minyak dan alur tersumbat
 - vi. Pengurusan terhadap sosio ekonomi dengan menguatkuasa peraturan had muatan pengangkutan balak

Pada pendapat Audit, pengurusan dan kawalan impak alam sekitar bagi aktiviti perhutanan adalah memuaskan kerana peruntukan undang-undang, peraturan dan perjanjian telah disediakan sewajarnya. Bagaimanapun, terdapat perlanggaran peraturan dan perjanjian oleh pelesen kerana kekurangan pemantauan dan koordinasi oleh JPAS dan JPNS.

5.4.2. Pemantauan Dan Penguatkuasaan

Aspek pemantauan dan penguatkuasaan adalah penting bagi memastikan objektif perlindungan alam sekitar tercapai. Oleh itu, JPAS dan JPNS hendaklah memastikan pelesen sentiasa mematuhi syarat dalam perjanjian dan lesen yang dikeluarkan. Laporan Pematuhan Syarat Alam Sekitar kepada JPAS dan Laporan Kemajuan kepada JPNS juga hendaklah dipantau mengenai kesahihannya. Mengikut Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 dan Enakmen Perhutanan 1968, JPAS dan JPNS boleh mengenakan tindakan undang-undang terhadap pelesen yang gagal mematuhi syarat perjanjian dan lesen. Semakan Audit terhadap aspek pemantauan dan penguatkuasaan oleh JPAS dan JPNS mendapati perkara berikut :

5.4.2.1. Pemantauan Dan Penguatkuasaan Oleh JPAS

Pemantauan terhadap syarat EIA adalah penting bagi memastikan aktiviti perhutanan yang dilaksanakan tidak menjelaskan alam sekitar. Oleh itu, JPAS hendaklah memastikan pelesen mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan.

a. Pemeriksaan Fizikal Tidak Dilaksanakan

- i. Pemeriksaan fizikal selepas EIA diluluskan adalah penting bagi memastikan pelesen mematuhi dan melaksana syarat-syarat yang ditetapkan. Tugas ini dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Penguatkuasaan JPAS.
- ii. Semakan Audit mendapati, JPAS telah menyediakan jadual lawatan pemeriksaan tahunan. Bagaimanapun, pemeriksaan lapangan tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual perancangan seperti di **Jadual 5.8**. Selain itu, pihak Audit mendapati pihak JPAS tidak menjalankan pemeriksaan ke lapangan bagi memastikan ketepatan Laporan *ECR* yang dikemukakan oleh pelesen. Perkara ini disebabkan pihak JPAS menghadapi masalah kekurangan sumber tenaga kerja dan sumber kewangan. Semakan Audit mendapati, JPAS hanya mempunyai 12 orang kakitangan bagi melaksanakan tugas pemeriksaan, pemantauan dan penguatkuasaan terhadap 600 projek yang diluluskan di seluruh Negeri Sabah. Semakan Audit mendapati, JPAS hanya mempunyai 12 orang kakitangan bagi melaksanakan tugas pemeriksaan, pemantauan dan penguatkuasaan terhadap 600 projek yang diluluskan di seluruh Negeri Sabah. Semakan Audit terhadap rekod kewangan juga mendapati, jumlah peruntukan bagi aktiviti pemantauan pada tahun 2012 dan 2013 berjumlah RM350,000. Manakala peruntukan bagi tahun 2014 berjumlah RM320,000 telah habis dibelanjakan setakat bulan Ogos sahaja. Pihak JPAS telah memohon perjawatan tambahan bagi menampung kekurangan kakitangan dalam melaksana tugas dan peranannya. Permohonan ini telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri sejak tahun 2012 namun ianya masih belum diluluskan. Sementara itu, terdapat 7 jawatan yang kosong kerana persaraan dan penamatkan kerja tetapi belum dapat diisi sehingga kini. Perjawatan tersebut melibatkan 3 jawatan teknikal dan 4 jawatan perkeranian. JPAS juga menghadapi masalah logistik dalam menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan kerana kekurangan kenderaan. Semakan Audit mendapati, daripada 8 kenderaan pacuan 4 roda yang dibekalkan, 2 daripadanya telah rosak dan sebuah lagi tidak ekonomik untuk dibaiki. Keadaan ini menyebabkan JPAS tidak dapat melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan pelesen mematuhi syarat EIA.

Jadual 5.8
**Bilangan Pemeriksaan Fizikal Ke Tapak Projek EIA Bagi Aktiviti Perhutanan
 Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014**

Tahun	Bilangan Projek EIA			
	Jumlah Projek Diluluskan	Diperiksa	Belum Diperiksa	
			Bil.	(%)
2012	751	372	379	50.5
2013	807	184	623	77.2
2014	880	225	655	74.4
Jumlah	2,438	781	1,657	68

Sumber: Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah

b. Penguatkuasaan Terhadap Perlanggaran Syarat Alam Sekitar

- i. Di bawah peruntukan Bahagian VII, EPAS 2002, Pengarah JPAS mempunyai kuasa mengeluarkan notis pemberhentian untuk melindungi alam sekitar dan melakukan pendakwaan bagi kesalahan-kesalahan yang dinyatakan di Bahagian X, EPAS 2002.
- ii. Semakan Audit mendapati, bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, sebanyak 94 kompaun telah dikeluarkan dengan 7 daripadanya adalah bagi aktiviti perhutanan, di atas kesalahan melanggar perjanjian syarat-syarat alam sekitar. Manakala jumlah aduan yang diterima bagi tempoh yang sama adalah sebanyak 510 aduan dengan 7 daripadanya adalah bagi aktiviti perhutanan. Bagi tahun 2014 sahaja, 97% daripada jumlah aduan yang diterima telah diambil tindakan. Ini disebabkan JPAS menghadapi masalah kekurangan kakitangan, sumber kewangan dan logistik. Ini menyebabkan pelaksanaan program perlindungan kesan alam sekitar terhadap aktiviti yang ditetapkan tidak dapat dilaksanakan dengan sewajarnya.

c. Majlis Perlindungan Alam Sekitar Tidak Bermesyuarat

- i. Majlis Perlindungan Alam Sekitar ditubuhkan bagi menasihati Kerajaan Negeri berkaitan pelaksanaan Enakmen Perlindungan Alam Sekitar. Majlis ini dipengerusikan oleh Menteri dan dianggotai oleh 13 ahli daripada pelbagai agensi yang berkaitan. Pengarah JPAS bertindak sebagai Setiausaha Majlis. Mengikut Enakmen, Majlis dikehendaki bermesyuarat setiap 4 bulan dalam setahun.
- ii. Semakan Audit mendapati, Majlis telah bermesyuarat sepenuhnya pada tahun 2012 namun tiada mesyuarat diadakan pada tahun 2013 dan pada tahun 2014, Majlis hanya telah bermesyuarat sekali sahaja. Ketiadaan mesyuarat Majlis pada tahun 2013 adalah disebabkan ahli jawatankuasa Majlis baru belum dilantik setelah pembubaran Majlis terdahulu. Pelantikan ahli baru Majlis hanya dapat dibuat pada April 2014. Antara isu yang dibincangkan dalam mesyuarat terakhir

pada tahun 2014 ialah mengenai kemajuan pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan oleh JPAS, makluman mengenai garis panduan penetapan kompaun oleh JPAS, status isu alam sekitar dan masalah kekurangan kakitangan JPAS. Kelewatan Majlis ditubuhkan dan tidak bermesyuarat mengikut jadual yang ditetapkan menyebabkan Majlis tidak dapat berfungsi sepenuhnya terutama pada tahun 2013 bagi membincangkan isu-isu alam sekitar yang berbangkit.

5.4.2.2. Pemantauan Dan Penguatkuasaan Oleh JPNS

Secara dasarnya, JPNS mempunyai mekanisme tersendiri dalam melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti perhutanan. Peruntukan Enakmen dan Peraturan Perhutanan dengan jelas menyatakan arahan yang perlu dipatuhi termasuk aktiviti yang dilarang menjurus kepada pengurusan kesan alam sekitar. Terdapat 2 peringkat pemantauan dan penguatkuasaan oleh JPNS iaitu Bahagian Pengurusan Hutan Lestari di Ibu Pejabat dan Pejabat Perhutanan Daerah di peringkat daerah.

a. Bahagian Pengurusan Hutan Lestari

- i. Bahagian ini mempunyai 2 unit iaitu Unit EU *Forest Law, Enforcement, Governance and Trade Programme* (FLEGT) dan Unit Penilaian dan Pemantauan Alam Sekitar. Bagaimanapun, disebabkan kekangan sumber manusia hanya Unit FLEGT sahaja yang aktif melaksanakan tugas pemantauan dan penguatkuasaan. Unit FLEGT yang ditubuhkan pada tahun 2014, dikehendaki menjalankan lawatan dan pemantauan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun terhadap 24 pelesen yang aktif di Negeri Sabah. Kaedah pemantauan yang dilaksanakan adalah menggunakan senarai semak *Timber Legality Assurance System* (TLAS). Dalam senarai semak tersebut turut melibatkan perkara asas mengenai impak alam sekitar dalam aktiviti perhutanan.
- ii. Semakan Audit mendapati, Unit ini telah melaksanakan pemantauannya mengikut jadual yang ditetapkan. Berdasarkan senarai semak yang dilaksanakan, terdapat beberapa isu berbangkit mengenai perlanggaran syarat dan peraturan perhutanan. Antara isu tersebut ialah kebersihan rumah kongsi, tempat pembuangan sampah dan pelupusan sisa minyak. Bagaimanapun, isu-isu berbangkit mengenai impak alam sekitar tersebut tidak dimaklumkan kepada JPAS untuk tindakan sewajarnya. Manakala tindakan penguatkuasaan yang telah diambil ialah mengeluarkan amaran kepada pelesen yang ingkar dan mengenakan denda sejumlah RM10,000 kepada pelesen di lokasi Kalabakan kerana kebersihan tidak memuaskan pada bulan Mac 2014.

b. Peringkat Daerah

- i. Pejabat Perhutanan Daerah bertanggungjawab bagi memastikan pelesen mematuhi syarat dan peraturan dalam perjanjian dan lesen aktiviti perhutanan.
- ii. Semakan Audit ke 5 lokasi yang dipilih mendapati, Pegawai Perhutanan Daerah telah menjalankan pemantauan berkala ke lokasi terbabit. Selain itu, JPNS juga telah menempatkan Unit Khas di lokasi terbabit terdiri daripada seorang Ketua Renjer Perhutanan dan 2 orang Pegawai Renjer Perhutanan. Unit ini bertanggungjawab memantau pelesen di lokasi dan mengemukakan laporan bulanan kepada Pegawai Perhutanan Daerah. Semakan Audit mendapati, Pegawai Perhutanan Daerah telah mengeluarkan notis amaran kepada pelesen yang gagal mematuhi syarat dan peraturan berkaitan.

5.4.2.3. Laporan Pematuhan Syarat Alam Sekitar (ECR) - ECR Gagal Dikemukakan Dalam Tempoh Ditetapkan

- a. Antara syarat perjanjian yang terkandung dalam Perjanjian Syarat-syarat Alam Sekitar adalah pemaju dikehendaki mengemukakan Laporan Pematuhan Syarat Alam Sekitar (ECR) mengikut tempoh seperti yang ditetapkan dalam Akujanji.
- b. Semakan Audit mendapati, sebanyak 4,715 pelesen (74%) gagal mengemukakan ECR dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Jadual 5.9**. Perkara ini disebabkan kegagalan pelesen dan JPAS sendiri untuk memantau juruperunding EIA yang dilantik. Selain itu, prestasi juruperunding mengenai kegagalan tersebut juga tidak diambil kira oleh Majlis Perlindungan Alam Sekitar. Pemeriksaan Audit juga mendapati, salinan Laporan ECR ini tidak dikemukakan kepada JPNS sebagai makluman dan tindakan sewajarnya. Keadaan ini telah menyebabkan penilaian prestasi dan pematuhan pelesen tidak dapat ditentukan dengan sewajarnya kerana perlanggaran syarat EIA tidak dapat dikesan lebih awal. Selain itu, JPNS selaku agensi yang mengawal lokasi aktiviti perhutanan tidak dapat membantu sepenuhnya kerana ketiadaan maklumat yang berkaitan.

Jadual 5.9
Bilangan ECR Gagal Dikemukakan Kepada JPAS
Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Tahun	Patut Terima	Telah Terima	Gagal Dikemuka	
			Bil.	(%)
2012	1,701	795	906	53.2
2013	2,273	600	1,673	73.6
2014	2,410	274	2,136	88.6
Jumlah	6,384	1,669	4,715	73.9

Sumber: Jabatan Perlindungan Alam Sekitar

5.4.2.4. Berdasarkan maklum balas bertarikh 29 April 2015, pihak JPAS telah mengambil tindakan terhadap isu berbangkit mengenai pemantauan dan penguatkuasaan seperti berikut:

- a. Merangka semula jadual lawatan, pemeriksaan dan penguatkuasaan berdasarkan keupayaan tenaga kerja yang ada serta menyediakan kertas cadangan penyusunan semula perjawatan kepada Kerajaan Negeri;
- b. Memastikan Majlis Perlindungan Alam Sekitar berfungsi sewajarnya; dan
- c. Mengeluarkan garis panduan kepada juruperunding EIA mengenai kaedah pemeriksaan dan penyediaan laporan *ECR* serta memastikan laporan tersebut dikemukakan mengikut tempoh yang ditetapkan

Pada pendapat Audit, pelaksanaan pemantauan dan penguatkuasaan oleh JPAS adalah kurang memuaskan kerana lawatan fizikal tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya disebabkan kekurangan tenaga kerja sumber kewangan dan logistik. Manakala pemantauan dan penguatkuasaan oleh JPNS telah dapat mengawal dan memastikan semua syarat dan peraturan perhutanan dipatuhi oleh pelesen.

5.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahaikan, Jabatan Perlindungan Alam Sekitar dan Jabatan Perhutanan disyorkan supaya mengambil langkah-langkah seperti berikut :

- 5.5.1.** Mempertingkatkan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan pelesen mematuhi syarat EIA dan peraturan perhutanan.
- 5.5.2.** Mempertingkatkan kerjasama antara agensi bagi memastikan Dasar Perlindungan Alam Sekitar dapat dilaksanakan dengan lancar.
- 5.5.3.** Mengkaji semula keperluan tenaga kerja, sumber kewangan dan kemudahan logistik.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjelaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

5 Mei 2015